

Kandungan

| | |
|----|--------------------------------------|
| | فقه العبادات |
| 1 | ١- صلاة الاستسقاء |
| 4 | ٢- الصيام المسنون |
| 9 | ٣- الصيام المحرم |
| 12 | ٤- الصيام المكروه |
| 15 | ٥- الزكاة |
| 24 | ٦- زكاة الأموال |
| | فقه المناكحات |
| 34 | ١- الطلاق |
| 38 | ٢- الفسخ |
| 41 | ٣- الخلع |
| 45 | ٤- الآثار المترتبة من انفصال الزوجين |
| 56 | ٥- تعدد الزوجات |
| | فقه المعاملات |
| 59 | ١- عقود المعاوضات |
| 66 | ٢- عقود التبرعات |

المنهج الديني المتكامل

الشريعة

للسنة الرابعة

TINGKATAN 4

KBDKBT

kurikulum Bersepadu Dini &
Kurikulum Bersepadu Tahfiz

SOLAT ISTISQA'

3.1 Pengertian Solat Istisqa'

Dari sudut bahasa: Minta hujan

Dari sudut istilah syarak: Memohon pada Allah agar menurunkan hujan kepada hambaNya ketika mereka memerlukannya mengikut cara-cara tertentu.

3.2 Dalil disyariatkan Solat Istisqa'

Al Quran:

Firman Allah swt:

Maka Aku katakan kepada mereka: 'Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, - sesungguhnya dia adalah Maha Pengampun. [10]

Nescaya dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat. [11]

Surah Nuh : 10 – 11

Hadis:

Daripada Abu berkata: Rasulullah saw keluar pada suatu hari memohon agar Allah swt menurunkan hujan, lalu baginda solat berjemaah bersama kami dua rakaat tanpa azan dan iqamah. Kemudian baginda berkhutbah kepada kami dan berdoa kepada Allah dan memalingkan wajahnya ke arah kiblat dengan mengangkat tangan. Kemudian baginda membalikkan selendangnya lalu dijadikan yang kanan di sebelah kirinya dan yang kiri di sebelah kanannya. (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Ijmak :

Ulamak telah sepakat mengatakan pensyariatan solat istisqa'

3.3 Hukum Solat Istisqa'

Solat Istisqa' adalah Sunat muakkad bagi orang yang bermukim di Bandar, kampung, kawasan pendalaman, juga sunat bagi orang musafir

** Maklumat tambahan

Waktu solat istisqa' : Masanya tidak ditentukan mengikut pendapat yang paling sahih, bahkan boleh melakukannya pada setiap masa malam atau siang dan ia juga tidak ditentukan pada hari tertentu seperti solat istikharah dan dua rakaat solat sunat ihram.

صلاة الاستسقاء

الدرس الثالث

٣،١ - تعريف صلاة الاستسقاء

لغة : طلب السّقياء.

شرعا : سؤال الله تعالى أن يسقي عباده عند حاجتهم على صفة مخصوصة.

٣،٢ - الدليل على مشروعية صلاة الاستسقاء

الكتاب : قال الله تعالى: **فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ**

عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ [سورة نوح ٧١ : ١٠ - ١١]

السنة : عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ حَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَوْمًا يَسْتَسْقِي فَصَلَّى بِنَا رَكَعَتَيْنِ بِلَا أَذَانٍ وَلَا إِقَامَةٍ ثُمَّ حَطَبْنَا وَدَعَا اللَّهَ وَحَوَّلَ وَجْهَهُ نَحْوَ الْقِبْلَةِ رَافِعًا يَدَيْهِ ثُمَّ قَلَبَ رِدَاءَهُ فَجَعَلَ الْأَيْمَنَ عَلَى الْأَيْسَرِ وَالْأَيْسَرَ عَلَى الْأَيْمَنِ. [رواه ابن ماجه]

الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية صلاة الاستسقاء.

٣،٣ - حكم صلاة الاستسقاء

صلاة الاستسقاء سنة مؤكدة على المقيمين في المدن والقرى والبوادي وعلى المسافرين.

** المعلومات الإضافية

وقت صلاة الاستسقاء : صلاة الاستسقاء لا تختص بوقت في الأصح، بل يجوز أداؤها في كل وقت من ليل أو نهار ، ولا تختص بيوم معين كصلاة الاستخارة وركعتي الإحرام.

3.4 Cara menunaikan solat istisqa

1. Niat solat istisqa ketika takbir ihram. Niatnya : sahaja aku solat sunat istisqa dua rakaat kerana Allah Taala
2. Mengucap takbir ihram kemudian memulakan dengan doa iftitah.
3. Kemudian diikuti dengan 7 kali takbir dan berzikir kepada Allah selepas setiap takbir.
4. Kemudian membaca surah al fatihah dan selepasnya surah Qaf.
5. Kemudian ruku', l'tidal dan sujud dua kali seperti biasa.
6. Kemudian bangun untuk rakaat kedua
7. Pada rakaat kedua takbir 5 kali diikuti surah al fatihah seterusnya surah al Qamar
8. Kemudian ruku', l'tidal, sujud dua kali dan tasyahud akhir
9. Kemudian disudahi dengan salam

3.5 Hikmah solat istisqa'

1. Mengingati nikmat air yang merupakan salah satu nikmat terbesar Allah kepada hambaNya.
2. Lambatnya turun hujan adalah ujian daripada Allah kepada hambaNya.
3. Pensyariatan solat istisqa' dan berdoa agar didatangkan awan mendung.
4. Mengingatkan manusia bahawa mereka memerlukan bantuan tuhan mereka.

٣،٤- كيفية صلاة الاستسقاء

١. أن ينوي الصلاة عند تكبيرة الإحرام، فينوي "أصلي سنة الاستسقاء ركعتين لله تعالى".
٢. ويرفع تكبيرة الإحرام، فيستهل بدعاء الافتتاح.
٣. ثم يتبعها بسبع تكبيرات ويذكر الله بعد كل تكبيرات.
٤. ثم يقرأ الفاتحة ويليه سورة ق.
٥. ثم يركع، ثم يعتدل، ثم يسجد السجدين كالمعتاد.
٦. ثم يقوم إلى الركعة الثانية.
٧. في الثانية يكبر خمس تكبيرات يتبعها سورة الفاتحة ومن ثم سورة القمر.
٨. ثم يركع، ثم يعتدل، ثم يسجد السجدين، ثم التشهد الأخير.
٩. ثم ينهئها بالتسليم.

٣،٥- حكمة صلاة الاستسقاء

١. ذكر نعمة الماء من أكبر نعم الله على عباده.
٢. تأخر نزول المطر هو ابتلاء من الله لعباده.
٣. مشروعية الصلاة والدعاء لاستجلاب الغيث.
٤. تذكير الناس بحاجتهم إلى ربه.

3.6 Praktik pelaksanaan solat istisqa'

1. Pelajar mengambil wuduk dengan cara yang betul dan sempurna.
2. Kemudian pergi ke kawasan lapang dengan tenang untuk mendirikan solat istisqa'.
3. Kemudian (imam) berdiri untuk solat dan yang lain membuat barisan di belakangnya.
4. Imam berkhotbah dengan dua khotbah seperti khotbah hari raya selepas selesai solat. Dimulakan khotbah dengan mohon keampunan sebanyak 9 kali pada khotbah pertama dan 7 kali pada khotbah kedua menggantikan takbir.

3.7 sentiasa memohon pertolongan Allah swt

Orang mukmin yang ingin mendapat kedudukan paling mulia di akhirat maka hendaklah dia mohon bantuan pada Allah dan bertawakal kepadaNya.

** Hadis hari ini

Doa Solat Istisqa'

Daripada Anas bin Malik r.a seorang lelaki masuk ke masjid pada hari jumaat melalui pintu arah darul qada' sedangkan Rasulullah saw sedang berdiri berkhotbah. Lalu lelaki itu mengadap Rasulullah saw yang sedang berdiri. Kemudian dia berkata: Wahai Rasulullah, harta benda telah musnah dan terputus jalan-jalan, doakanlah pada Allah agar diturunkan hujan untuk kami. Lalu Rasulullah saw mengangkat kedua-dua tangannya kemudian berdoa: Ya Allah, turunkan hujan untuk kami, Ya Allah, turunkan hujan untuk kami, Ya Allah, turunkan hujan untuk kami. (hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

٣،٦- تطبيق عملية صلاة الاستسقاء

١. يتوضأ الطلاب وضوءاً صحيحاً كاملاً.
٢. ثم يذهبون إلى الفناء بهدوء وسكينة لإقامة صلاة الاستسقاء.
٣. ثم يقومون إلى الصلاة فيؤم أحدهم الصلاة ويصطف الباقون خلفه.
٤. يخطب الإمام خطبتين كخطبتي العيد بعد إتمام الصلاة. يستفتحها بالاستغفار تسعاً من الأولى وسبعاً في الثانية بدلاً عن التكبير.

٣،٧- ملازمة الاستعانة بالله

إن المؤمن الذي يريد أن يرتقي في أشرف منازل الآخرة عليه أن يستعين بالله وأن يتوكل عليه.

** حديث اليوم

دعاء الاستسقاء

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن رجلاً دخل المسجد يوم الجمعة، من باب كان نحو دار القضاء، ورسول الله صلى الله عليه وسلم قائم يخطب، فاستقبل رسول الله صلى الله عليه وسلم قائماً، ثم قال: يا رسول الله، هلكت الأموال وانقطعت السبل، فادع الله يغيثنا. فرفع ورسول الله صلى الله عليه وسلم يديه، ثم قال: اللَّهُمَّ اغْنِنَّا، اللَّهُمَّ اغْنِنَّا، اللَّهُمَّ اغْنِنَّا. (متفق عليه)

Pelajaran keempat

PUASA-PUASA SUNAT**4.1 Puasa hari Arafah**

Aisyah r.ha berkata : Bahawa Rasulullah saw bersabda: *Hari Arafah adalah hari yang paling banyak Allah swt merdekakan hambaNya daripada api neraka.*

(Hadis Riwayat Muslim)

4.2 Puasa Tasu'a dan 'Asyura

Daripada Ibnu Abbas r.a berkata: Sesungguhnya Rasulullah saw berpuasa pada hari Asyura dan menyuruh (orang Islam) berpuasa pada hari tersebut.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Abdullah bin Abbas berkata: sekiranya aku masih hidup tahun hadapan nescaya aku akan berpuasa pada hari kesembilan (Muharram). Hadis Riwayat Muslim

4.3 Puasa 6 hari dalam bulan Syawal

Dari Abu Ayyub r.a, bahwa Rasulullah SAW bersabda: *"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian ia mengiringinya dengan puasa enam hari di bulan Syawal seolah-olah ia berpuasa satu tahun".*

(Hadis Riwayat Muslim)

** info tambahan

Membatalkan puasa sunat:

Apabila seorang muslim tidak dapat menyempurnakan puasa sunat (kerana sesuatu perkara), maka harus baginya membatalkan puasa tersebut apabila dia mahu dan tidak perlu qada' puasa tersebut walaupun perkara sedemikian adalah makruh.

Nabi saw bersabda: Orang yang berpuasa sunat ada tuan bagi dirinya sendiri. Sekiranya dia mahu dia berpuas dan sebaliknya dia boleh berbuka. (hadis riwayat Hakim)

'**Asyura** ialah hari ke 10 bulan Muharram.

Tasu'a ialah hari ke 9 bulan Muharram

4 SMU(A) Mehelihah, Tumpat, Kelantan

الصيام المسنون

الدرس الرابع :

٤،١ - صوم يوم عرفة

قالت عائشة رضي الله عنها أن رسول الله ﷺ قال : مَا مِنْ يَوْمٍ أَكْثَرَ مِنْ أَنْ يُعْتِقَ اللَّهُ فِيهِ عَبْدًا مِنَ النَّارِ مِنْ يَوْمِ عَرَفَةَ. [رواه مسلم]

٤،٢ - صوم تاسوعاء وعاشوراء

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما قال: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ صَامَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ. [رواه البخاري]

عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما قال : قال رسول الله ﷺ لَعَنَ بَقِيثُ إِلَى قَابِلٍ لِأَصُومَنَّ التَّاسِعَ. [رواه مسلم]

٤،٣ - صوم ستة أيام من شوال

عَنْ أَبِي أَيُّوبَ رضي الله عنه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ. [رواه مسلم]

** المعلومات الإضافية

قطع الصيام المسنون : إذا تلبس المسلم بصيام مسنون جاز له أن يقطعه بالإفطار متى شاء، ولا قضاء عليه، وإن كان يكره له ذلك.

قال النبي ﷺ : الصائم المتطوع أمير نفسه، إن شاء صام، وإن شاء أفطر. (رواه الحاكم)

عاشوراء: هو اليوم العاشر من شهر المحرم

تاسوعاء : هو اليوم التاسع من شهر المحرم

4.4 Puasa 3 hari setiap bulan

Dari Abu Qatadah r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Puasa tiga hari setiap bulan, adalah puasa setahun penuh”.

(hadis riwayat muslim)

4.5 Puasa hari Isnin dan Khamis

Daripada Aisyah r.ha berkata: Rasulullah saw bersungguh-sungguh (sentiasa) berpuasa hari isnin dan khamis

4.6 Puasa 8 pada bulan Zulhijjah

Daripada Hafsa r.ha berkata: Empat perkara yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah saw: Puasa Asyura, puasa 1-9 Zulhijjah, puasa 3 hari setiap bulan dan solat dua rakaat sebelum subuh. (Hadis riwayat Nasai)

** Info tambahan

Orang yang berpuasa sunat perlu memelihara kepentingan meneruskan puasanya atau berbuka. Sekiranya dia berbuka mendatangkan kebaikan untuk dirinya atau untuk orang lain seperti memberi kebahagiaan kepada orang yang menjemputnya ke majlis kenduri di waktu siang, atau mendatangkan kesulitan (keuzuran), maka keadaan ini disunatkan di berbuka. Jika tidak ada apa-apa kepentingan maka yang lebih baik dia mencari pahala dengan (menyempurnakan) puasa.

** Info penting

- 1- Wajib niat puas fardu sebelum fajar kerana niat adalah rukun dalam setiap ibadat pada permulaannya.
- 2- Sah puasa sunat dengan niat di waktu siang selagi tidak melakukan perkara yang membatalkan puasa selepas fajar dan sebelum niat. Diberi pahala puasa bermula dari waktu niat puasa kerana sebelumnya tidak ada niat maka tidak dianggap ibadat.
- 3- Disunatkan bagi orang berpuasa suna menyempurnakan puasanya dan tidak sepatutnya ia membatalkannya tanpa apa-apa keuzuran kerana perbuatan tersebut meluputkan pahala dan tidak wajib menqada'kannya.

٤،٤ - صوم ثلاثة أيام من كل الشهر

عن أبي قتادة رضي الله عنه قال : قال رسول الله ﷺ صَوْمُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ صَوْمُ الدَّهْرِ .
[رواه مسلم]

٤،٥ - صوم الإثنين والخميس

عن عائشة رضي الله عنها قالت : كان رسول الله ﷺ يتحرى صوم الاثنين والخميس . [رواه الترمذي]

٤،٦ - صوم ثمانية أيام من ذي الحجة

عن حفصة رضي الله عنها قالت : أربع لم يكن يدعهن رسول الله ﷺ : صيام عاشوراء، والعشر، وثلاثة أيام من كل شهر، والركعتين قبل الغداة . [رواه النسائي]

** المعلومات الإضافية

ينبغي للصائم تطوعاً مراعاة المصلحة في إمضاء صومه أو فطره، فإن حقق فطره مصلحة له أو لغيره كإدخال السرور على قلب من دعاه إلى وليمة نهاراً، أو حصل له عذر، فهذا يسن له الفطر، وإن لم تكن مصلحة فالأولى كسب الأجر بالصوم.

** المعلومات المهمة

- ١- تجب نية الصيام المفروضة قبل الفجر؛ لأن النية ركن في كل عبادة من أولها.
- ٢- يصح صوم النفل بنية من النهار إن لم يكن قد أتى بمفطر بعد الفجر وقبل النية، وينتاب على الصوم من وقت النية؛ لأن ما قبله لا نية فيه، فلا يقع عبادة.
- ٣- يسن للصائم تطوعاً إكمال صومه، ولا ينبغي قطعه بلا عذر؛ لما فيه من تفويت الأجر، ولا يجب قضاؤه.

4.7 Masalah berkaitan dengan puasa sunat

Soalan:

Apakah Hukum berkongsi niat (dalam ibadat puasa) di antara puasa sunat dan wajib ?

Jawapan:

Telah diterangkan sebelum ini bahawa orang yang qada puasa pada hari Arafah atau hari Asyura, begitu juga pada 9 zul hijjah. orang tersebut niat qada puasa dan ingin mendapat pahala puasa hari tersebut maka dia akan mendapat dua pahala. Namun yang lebih baik dia qada puasa dengan niat berasingan (pada hari berlainan).

Soalan :

Apakah Hukum niat puasa sunat selepas terbit fajar ?

Jawapan:

Harus niat puasa sunat selepas terbit fajar kerana sabda nabi saw :
"Siapa yang telah puasa dari pagi, hendaklah meneruskan puasanya dan siapa yang telah berbuka di waktu pagi, hendaklah dia mempuasakan hari yang masih tinggal" iaitu menyempurnakan ibadat puasanya selepas terbit fajar. (Hadis riwayat Muslim)

Soalan :

Apakah hukum membatalkan puasa sunat ketika memenuhi jemputan makan?

Jawapan:

Boleh membatalkan puasa sunat ketika memenuhi jemputan seperti kenduri kahwin beralih sabda nabi saw:
"Apabilaseseorang daripada kamu dijemput ke suatu majlis maka terimalah jemputan tersebut. Sekiranya dia berpuasa maka teruskanlah berpuasa dan sekiranya telah berbuka maka makanlah". (hadis riwayat Muslim)

Erti (فليصل) : maka doalah untuk tuan rumah dengan keberkatan

٤،٧ - المسائل المتعلقة بالصيام المسنون

السؤال : ما حكم تشريك النية بين الصيام المسنونة والمفروض؟

الجواب : قد سبق لنا بيان أن من صام القضاء في يوم عرفة أو في يوم عاشوراء وكذا عشر ذي الحجة ونوى القضاء وتحصيل ثواب صوم هذا اليوم حصل له الثوابان بإذن الله، وإن كانت الأولى أن يقرد القضاء بنية مستقلة.


السؤال : ما حكم نية الصيام المسنونة بعد طلوع الفجر؟

الجواب : تجوز نية الصيام المسنون بعد طلوع الفجر لقوله النبي ﷺ : "من كان أصبح صائما فليتم صومه ومن كان أصبح مفطرا فليتم بقيه يومه". أي ينتهي بعد طلوع الفجر.
 (رواه مسلم)


السؤال : ما حكم افطار الصيام المسنونة عند إجابة الدعوة ؟

الجواب : يجوز إفطار الصيام المسنون عند إجابة الدعوة كحضور الوليمة بدليل قوله ﷺ :
 إذا دعى أحدكم فليجب فإن كان صائما فليصل وإن كان مفطرا فليطعم. (رواه مسلم)
 ومعنى "فليصل" : فليدع لأهل الطعام بالبركة.

4.8 HIKMAH PUASA SUNAT



٤،٨ - حكمة الصيام المسنون



4.9 Sentiasa melakukan perkara sunat dalam mendekatkan diri kepada Allah swt

Manusia lupa tentang hakikat penciptaannya. Kewujudannya memandunya ke arah kemusnahan dan kerugian. Maka jiwa ini perlu sibuk dengan ketaatan dan menjauhi maksiat. Sentiasa melakukan perkara sunat ini adalah salah satu cara menyibukkan jiwa manusia dengan ketaatan dan melupakan perkara maksiat.

** Hadis hari ini

KELEBIHAN PUASA

Daripada Abu Said r.a berkata: saya mendengar nabi saw bersabda: “Sesiapa yang berpuasa di jalan Allah swt maka Allah swt akan menjauhkan wajahnya daripada api neraka jaraknya 70 tahun. (hadis riwayat Bukhari)

٤،٩ - ملازمة التطوع في التقرب إلى الله

غفلة الإنسان عن حقيقة خلقه ووجوده تقوده إلى الهلاك والخسران. فلا بد أن تنشغل النفس بالطاعة وتبتعد عن المعاصي. وملازمة التطوع تعتبر إحدى طرق إشغال النفس بالطاعة وانشغالها عن المعاصي.

** حديث اليوم

فضل الصوم

عن أبي سعيد رضي الله عنه قال : سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول: من صام يوماً في سبيل الله باعد الله تعالى وجهه عن النار سبعين خريفاً. (رواه البخاري)

PUASA YANG DIHARAMKAN**5.1 – PUASA PADA HARI RAYA**

Daripada Abu Hurairah ra: bahawa Rasulullah saw melarang daripada berpuasa pada dua hari iaitu hari raya Adha dan Fitri.

(Hadis riwayat Muslim)

5.2 – PUASA PADA HARI TASYRIK

Daripada Ka'ab bin Malik r.a bahawa Rasulullah saw mengutuskannya bersama Aus bin Hadsan pada hari tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah). Baginda menyeru: Tidak akan masuk syurga kecuali orang beriman dan hari-hari Mina (hari tasyrik) adalah hari makan dan minum.(Hadis riwayat Muslim)

5.3 – PUASA PADA HARI SYAK (30 SYAABAN)

Daripada Ammar bin Yasir r.a daripada Rasulullah saw bersabda: Barang siapa yang berpuasa pada hari syak (sama ada telah masuk awal Ramadhan atau belum), maka dia telah derhaka kepada Abu Qasim (nabi saw).

(Hadis riwayat Tirmizi).

5.4 – PUASA PADA PERTENGAHAN BULAN SYA'BAN

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah saw bersabda: Apabila bulan Sya'ban telah melangkaui separuh maka janganlah kamu berpuasa.

(Hadis riwayat Abu Daud)

Haram seseorang itu hanya berpuasa sunat selepas berlalu separuh bulan Sya'ban. Mengikut satu pendapat: Hukumnya makruh. Namun apabila hari tersebut menepati kebiasaan puasanya atau ia menyambung puasanya dengan hari sebelum berlalunya separuh Sya'ban, maka sah puasa tersebut.

5.5 – ISTERI BERPUASA SUNAT TANPA KEIZINAN SUAMINYA

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah bersabda : Tidak boleh seorang isteri berpuasa sunat sedangkan suaminya ada bersamanya kecuali dengan izinnya.

(Hadis riwayat Bukhari)

الصيام المحرم

الدرس الخامس :

٥،١ - صوم يوم العيد

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ : يَوْمِ الْأَضْحَى وَيَوْمِ الْفِطْرِ .
[رواه مسلم]

٥،٢ - صوم يوم التشريق

عن كعب ابن مالك رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بَعَثَهُ وَأَوْسُ بْنُ الْحَدَثَانَ أَيَّامَ التَّشْرِيقِ ، فَنَادَى : أَنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا مُؤْمِنٌ ، وَأَيَّامٌ مِنْ أَيَّامِ أَكْلٍ وَشَرْبٍ . [رواه مسلم]

٥،٣ - صوم يوم الشك

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ : مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِي يُشَكُّ فِيهِ النَّاسُ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ ﷺ . [رواه الترمذي]

٥،٤ - صوم نصف الثاني من الشعبان



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانُ فَلَا تَصُومُوا .
[رواه أبو داود]

يحرم إفراد النصف الثاني من شعبان بالصيام تطوعاً، وفي قول : يكره، أما إذا وافق عادة للصائم، أو وصل صيامه بما قبل النصف الثاني من شعبان فيصح.

٥،٥ - صوم المرأة تطوعاً بغير إذن زوجها

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَرَوْحُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ . [رواه البخاري]

5.6 – HIKMAH PENGHARAM PUASA YANG HARAM INI



5.7 – SENTIASA PATUH DALAM BERIBADAH

- 1- Puasa melatih keinginan hati untuk menjauhi hawa nafsu dan menjauhi perkara maksiat. Dalam ibadat puasa menunjukkan asas perpaduan umat Islam. Orang Islam berpuasa dan berbuka pada bulan yang sama (bulan Ramadhan)
- 2- Puasa fardu (puasa Ramadhan) berbeza dengan puasa sunat dari segi amalannya ke atas setiap mukallaf (orang Islam).

** Hadis hari ini :

TIDAK BOLEH MENGAWALKAN RAMADHAN (PUASA WAJIB) SEHARI ATAU DUA HARI SEBELUM TIBA WAKTUNYA

Daripada Abu Hurairah ra, nabi saw bersabda :”Janganlah seseorang di antara kamu mendahului puasa Ramadhan dengan berpuasa sehari atau dua hari sebelumnya; kecuali bagi yang biasa berpuasa, maka tidaklah mengapa dia berpuasa pada hari tersebut”.

(Hadis riwayat Bukhari)

٥،٧ – ملازمة الطاعة في العبادة

- ١- أن الصيام يربي الإرادة على اجتناب الهوى والبعد عن المعاصي وفي الصيام إعلان لمبدأ وحدة المسلمين فتصوم الأمة وتفطر في شهر واحد.
- ٢- الصيام المفروض أو الواجب يختلف عن الصيام المسنون أو التطوع أو النافلة في حكم فعله على المكلف.

** حديث اليوم

لا يتقدم رمضان بصوم يوم أو يومين

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لا يتقدم من أحدكم رمضان بصوم يوم أو يومين، إلا أن يكون رجل كان يصوم صومه فليصم ذلك اليوم.

(رواه البخاري)

PUASA YANG MAKRUH**6.1 BERPUASA PADA HARI JUMAAT SAHAJA**

Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah saw bersabda: “Janganlah seorang daripada kamu berpuasa pada hari jumaat kecuali dia berpuasa sehari sebelumnya atau sehari selepasnya. Hadis riwayat Muslim.

6.2 BERPUASA PADA HARI SABTU DAN AHAD SAHAJA

Daripada Soma' binti Basar r.ha berkata: Sesungguhnya nabi saw bersabda: “Janganlah kamu berpuasa pada hari sabtu kecuali perkara yang diwajibkan ke atas kamu”. (Hadis riwayat Tarmizi)

Daripada Ummu Salamah r.ha bahawa Rasulullah saw, kebanyakan hari baginda berpuasa adalah hari sabtu dan ahad. Baginda bersabda: “Kedua-dua hari ini adalah hari raya bagi orang kafir, sedangkan aku ingin menyalahi mereka”. (Hadis riwayat Ibnu Majah)

6.3 BERPUASA SEPANJANG MASA

Daripada Habib, beliau mendengar dari Abu Abbas yang mendengar pula daripada Abdullah bin Amru r.a berkata: Rasulullah saw bersabda kepadaku : “Wahai Abdullah bin Amru kamu berpuasa sepanjang masa dan berjaga malam (dengan ibadat). Sesungguhnya apabila kamu melakukan perkara tersebut maka dengan amalan kamu sedemikian kamu terpaksa bersekam mata dan menyeksa diri. Puasa orang yang berpuasa sepanjang masa itu tidak sama dengan puasa tiga hari sebulan, kerana ianya seumpama puasa sebulan penuh”. Aku berkata: Aku mampu melakukan lebih daripada itu. Baginda bersabda: “Berpuasalah seperti puasa nabi Daud. Baginda berpuasa sehari dan berbuka pada hari yang lain dan baginda tidak lari apabila bertemu (musuh)”. (Hadis riwayat Muslim)

الصيام المكروه

الدرس السادس

٦،١ - إفراد يوم الجمعة بالصوم

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَا يَصُومُ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَّا أَنْ يَصُومَ قَبْلَهُ أَوْ يَصُومَ بَعْدَهُ. [رواه مسلم]

٦،٢ - إفراد يوم السبت والأحد بالصوم

عن الصماء بنت بسر رضي الله عنها قال : أن النبي ﷺ قال : لا تصوموا يوم السبت إلا فيما افترض عليكم. [رواه الترمذي]

عن أم سلمة رضي الله عنها أن رسول الله ﷺ كان أكثر ما يصوم من الأيام يوم السبت، ويوم الأحد، وكان يقول : إنهما يوم عيدا للمشركين، وأنا أريد أن أحالفهم. [رواه ابن خزيمة]

٦،٣ - صيام الدهر

عن حبيب سمع أبا العباس سمع عبد الله بن عمرو رضي الله عنهما قال : قال لي رسول الله ﷺ : يا عبد الله بن عمرو إنك لتصوم الدهر وتقوم الليل وإنك إذا فعلت ذلك هجمت له العين وهكمت لا صام من صام الأبد صوم ثلاثة أيام من الشهر صوم الشهر كله. قلت فإني أطيق أكثر من ذلك. قال فصم صوم داود كان يصوم يوما ويفطر يوما ولا يفتر إذا لاقى. [رواه مسلم]

**** Info Penting**

Dari Anas bin Malik r.a. berkata : Tiga kumpulan sahabat nabi s.a.w. datang ke rumah isteri-isteri nabi saw, mereka bertanya tentang ibadah nabi saw. Setelah diberitahu kepada mereka tentang perkara tersebut, seolah-olah mereka menganggapnya terlalu sedikit. Mereka berkata: Di manakah kita berbanding nabi saw ?. Baginda saw telah diampunkan Allah swt dosanya yang telah lalu dan akan datang. Salah seorang daripada mereka berkata : "Saya akan solat malam untuk selama-lamanya". Seorang lagi berkata: "Saya akan berpuasa sepanjang masa dan tidak akan berbuka". Dan seorang lagi berkata: "Saya akan menjauhi perempuan (tidak berkahwin) selama-lamanya". Kemudian datang nabi saw lalu bersabda: "Kamu yang berkata begini dan begini?. Demi Allah sesungguhnya aku paling takut kepada Allah dan paling takwa kepadaNya di antara kamu semua, tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku solat dan baring (tidur), dan aku berkahwin dengan perempuan. Oleh sebab itu sesiapa yang tidak menyukai sunnahku maka dia tidak termasuk golonganku". (Hadis sahih riwayat Muslim)

6.4 HIKMAH MAKRUHNYA PUASA INI

- 1 Mengelakkan manusia daripada kesulitan, lemah, kesempitan (kerana berpuasa)
- 2 Hari jumaat adalah hari berdoa, berzikir dan ibadat seperti mandi, bertakbir untuk solat Jumaat, menunggu solat Jumaat, mendengar khutbah dan memperbanyakkan berzikir
- 3 Yang terbaik ialah puasa sehari dan berbuka sehari kerana itu adalah puasa yang paling dikasihi oleh Allah swt
- 4 Manusia apabila ia takabur/sombong maka dia akan lemah beramal, lalu meninggalkan beberapa amalan yang pernah dilakukan sebelum ini
- 5 Mengelak daripada pengabaian dalam menjalankan tanggungjawab dan kewajipan atau orang yang berpuasa itu bimbang kemudaratan yang akan menyimpannya
- 6 Kerana Bimbang akan berlebih-lebihan dalam (sesuatu amalan)

**** المعلومات المهمة**

عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال: جاء ثلاثة رهط إلى بيوت أزواج النبي صلى الله عليه وسلم يسألون عن عبادة النبي صلى الله عليه وسلم ، فلما أخبروا كأنهم تقالوها، فقالوا: أین نحن من النبي صلى الله عليه وسلم ؟ قد غفر الله له ما تقدم من ذنبه وما تأخر، قال أحدهم: أما أنا فإني أصلي الليل أبدا، وقال آخر: أنا أصوم الدهر ولا أفطر، وقال آخر: أنا أعتزل النساء فلا أتزوج أبدا، فجاء رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: أنتم الذي قلتهم كذا وكذا؟ أما والله إني لأخشاكم الله وأتقاكم له، لکني أصوم أفطر، وأصلي وأرقد، وأتزوج النساء، فمن رغب عن سنتي فليس مني. (رواه البخاري)

٦،٤ - حکمة کراهة الصيام المکروه

- ١ ابتعاد الإنسان عن المشقة والضعف والحرَج
- ٢ إن يوم الجمعة يوم دعاء وذكر وعبادة من الغسل والتكبير إلى الصلاة وانتظارها واستماع الخطبة وإكثار الذكر
- ٣ الأفضل أن يصوم يوما، ويفطر يوما، فإن ذلك أحب الصيام إلى الله
- ٤ إن الإنسان إذا صلف ضعف عن العمل، فيترك بعض الأعمال التي كان يقوم بها
- ٥ اجتناب تقصير في أداء الحقوق والواجبات، أو يخاف الصائم ضرا على نفسه
- ٦ سبب خوف المبالغة في تعظيم

**** Info tambahan**

Ulamak mazhab Syafie mengatakan makruh hukumnya berpuasa hari jumaat sahaja. Sekiranya seseorang itu menyambung puasa jumaat itu dengan puasa hari sebelumnya (khamis) atau puasa hari selepasnya (sabtu) atau menepati amalan berpuasa mengikut kebiasaannya seperti seseorang itu bernazar puasa pada hari dia sembuh dari sakitnya atau ketibaan seseorang (tetamunya), lalu perkara tersebut berbetulan dengan hari jumaat maka tidak makruh dia berpuasa.

(kitab Majmu' syarah Muhazzab)

6.5 SENTIASA TAAT DALAM BERIBADAH

1. Sentiasa taat adalah punca untuk mencapai cinta Allah swt
2. Sentiasa taat mendekatkan hamba kepada Allah swt, ianya menambahkan kekuatan, keteguhan dan keyakinan pada Allah swt.

***** Hadis hari ini****GANJARAN DAN PAHALA**

Daripada Abu Hurairah r.a dari nabi saw bersabda: "Janganlah kamu hanya menentukan malam jumaat sahaja dengan beribadah berbanding malam-malam lain dan janganlah kamu hanya menentukan hari jumaat sahaja dengan berpuasa berbanding hari-hari lain kecuali pada puasa yang biasa kamu yang dilakukannya (puasa tersebut berlaku pada hari jumaat).

Hadis riwayat Muslim.

**** المعلومات الإضافية**

قال الشافعية: يكره أفراد يوم الجمعة بالصوم فإن وصله بصوم قبله أو بعده أو وافق عادة له بأن نذر صوم يوم شفاء مريضه، أو قدوم زيد أبدا، فوافق الجمعة لم يكره.
(المجموع شرح المهذب)

٦،٥ - ملازمة الطاعة في العبادة

- ١- إن ملازمة الطاعة سبب لنيل محبة الله تعالى.
- ٢- إن ملازمة الطاعة تتقرب العبد إلى الله مما يزيد قوة وثباتا ويقينا به سبحانه وتعالى.

***** حديث اليوم****الأجر والثواب**

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لا تخصوا ليلة الجمعة بقيام من بين الليالي ولا تخصوا يوم الجمعة بصيام من بين الأيام إلا أن يكون في صوم يصومه أحدكم. (رواه مسلم)

Pelajaran 7

ZAKAT

7.1 PENGERTIAN ZAKAT

Dari sudut bahasa: Berkembang dan bertambah, berkat dan banyak.

Dari sudut istilah Syarak: Satu istilah/nama bagi mengambil sesuatu tertentu iaitu harta tertentu mengikut ciri-cirinya yang tertentu bagi kumpulan manusia tertentu.

7.2 DALIL PENSYARIATAN ZAKAT

Al Quran

Firman Allah swt: “Dan Dirikanlah shalat, tunaikanlah zakat”

Hadis

Daripada Ibnu Umar r.a: bahawa nabi saw bersabda: Islam dibina di atas lima perkara: Persaksian bahwasanya tidak ada yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan-Nya, mendirikan shalat, mengeluarkan zakat, haji (ke Baitullah) dan puasa Ramadhan” (Hadis Riwayat Bukhari).

Ijmak

Ulamak sepakat tentang kewajiban zakat.

7.3 HUKUM ZAKAT

Ulamak sepakat tentang zakat itu adalah wajib dan diberi pahala orang yang melaksanakannya, disiksa orang yang tidak melaksanakannya dan kafir orang yang mengingkarinya.

الزكاة

٧،١ - تعريف الزكاة

لغة : النمو والزيادة، والبركة والكثرة.

شرعا : اسم لأخذ شيء مخصوص، من مال مخصوص، على أوصاف مخصوصة، لطائفة مخصوصة.

٧،٢ - الدليل على مشروعية الزكاة

الكتاب : قال الله تعالى : وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ [سورة البقرة ٢ : ٤٣]


السنة : عَنْ ابْنِ عَمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ : بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ [رواه البخاري].

الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية الزكاة.

٧،٣ - حكم الزكاة

اتفق العلماء على أن الزكاة واجبة يثاب فاعلها، ويعاقب تاركها، ويكفر جاحدها.

7.4 BAHAGIAN ZAKAT



7.5 PENGAGIHAN ZAKAT


Firman Allah swt:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil (pengurus-pengurus zakat), mu'allaf (yang dilembutkan hatinya menerima Islam) , hamba-hamba (yang hendak memerdekakan diri), orang-orang yang berhutang, untuk dibelanjakan di jalan Allah dan orang-orang musafir (yang habis bekalan dalam perjalanan), sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

1 (الفقير) Orang yang tiada harta dan kerja, atau orang yang mempunyai harta dan kerja yang tidak dapat menampung keperluannya.

2 (المسكين) Orang yang mampu mendapatkan harta dan kerja yang mencukupi tetapi tidak dapat menampung keperluannya.

٧،٤ - أقسام الزكاة



٧،٥ - مصارف الزكاة

قال الله تعالى :

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (سورة التوبة ٩ : ٦٠)

١ الفقير : وهو من لا مال له ولا كسب، أو له مال وكسب لا يقع موقعا من كفايته.

٢ المسكين : وهو الذي يقدر على مال أو كسب ويقع موقعا من كفايته، ولكنه لا يكفيه

3

(العامل) Pekerja yang dilantik oleh pemerintah untuk mengumpul harta zakat dan mengagihkannya.

4

(المؤلف) Orang yang baru memeluk Islam, dengan memberi sesuatu akan menguatkan keislaman mereka, atau seorang muslim yang mempunyai pangkat dan kedudukan dalam masyarakatnya, dengan memberi sesuatu kepada mereka ianya akan mengislamkan orang seumpamanya.

5

(الرقيب) Hamba mukatab yang mempunyai perjanjian (merdekakan dirinya) dengan tuannya iaitu dia perlu menyerahkan sebahagian harta dengan usahanya sendiri

6

(الغارمون) Mereka yang dibebani hutang dan mereka tidak mampu melunaskannya. Maka diberikan kepada golongan ini sejumlah harta yang dapat melunaskan hutangnya yang telah sampai tempohnya, bersama makanan dan pakaian yang mencukupi bagi mereka.

7

(في سبيل الله) Sukarelawan yang berjihad di jalan Allah untuk berdakwah kepada Islam dan mempertahankannya

8

(ابن السبيل) Orang musafir yang melakukan perjalanan yang harus kemudian habis perbelanjaan perjalanannya, maka diberikan wang yang mencukupi untuk perjalanan pergi dan balik.

٣

العامل : هو الساعى الذي يعينه ولي الأمر لحصر أموال الزكاة وتوزيعها

٤

المؤلف : هو مسلم عهد بالإسلام، يتوقع بإعطائهم أن يقوى إسلامهم. أو هو مسلم ذو وجاهة ومكانة في قومه، يتوقع بإعطائهم إسلام أمثالهم

٥

الرقيب : هو المكاتب الذي تعاقد مع سيده المالك له على أن يجلب له أفساطا من المال بجهد

٦

الغارمون : هم الذين أثقلتهم الديون وعجزوا عن وفائها. فيعطي هؤلاء ما يقدرون به على وفاء ديونهم التي حلت آجالها مع ما يكفيهم طعاما وملبسا

٧

في سبيل الله : هو المتطوع بالجهاد في سبيل الله، للدعوة إلى الإسلام والدفاع عنه

٨

ابن السبيل : هو المسافر سفرا مباحا الذي انقطعت نفقة سفره، فيعطي ما يكفيه لسفره، ذهابا وإيابا

7.6 – SYARAT BERHAK MENDAPAT ZAKAT

1. Islam : tidak diberi zakat kepada non muslim.
2. Bukan nafkah: bukan nafkahnya itu wajib ditanggung oleh pengeluar zakat.
3. Tidak mampu berusaha: orang yang tidak mampu berkerja untuk mendapat sesuatu yang layak baginya.
4. Tempat dikeluarkan zakat: orang yang berhak menerima zakat itu ada di tempat dikeluarkan zakat

7.7 – QADA' BAYAR ZAKAT

Wajib qada bayar zakat ke atas orang yang telah cukup syaratnya iaitu Islam, merdeka, memiliki cukup nisab dan genap setahun.

7.8 HUKUM ORANG YANG ENGGAN MEMBAYAR ZAKAT

1

Orang yang mengingkari kewajipan zakat sedangkan dia tidak tahu kewajipan tersebut kerana baru memeluk Islam atau hidup di pedalaman, tidak dihukum kufur dan diajarnya kewajipan zakat dan diambil zakat daripadanya.

2

Orang yang menentang kewajipan zakat adalah kafir dan dihukum bunuh kerana kufurnya selepas diberi peluang bertaubat

3

Orang bakhil yang tidak ingin mengeluarkan zakat adala orang yang berdosa, fasik dan diambil zakat daripadanya secara paksa.

٧،٦ – شروط استحقاق الزكاة

١. الإسلام : فلا تدفع الزكاة لغير المسلم.
٢. عدم الإنفاق : أن لا تكون نفقته واجبة على الزكي.
٣. عدم القدرة على الكسب : هو الذي لا يقدر على كسب ما يليق به.
٤. بلد الزكاة : أن يكون مستحقا للزكاة موجودا في بلد الزكاة.
٥. غير هاشمي ولا مطلي : أي لا يكون من ذوي قرابة رسول الله ﷺ.

٧،٧ – قضاء الزكاة

يجب قضاء الزكاة على كل من استوفى شروطها وهو إسلام وحر وملكية النصاب وحولان الحول.

٧،٨ – حكم مانع الزكاة

١ المنكر بوجوب الزكاة وكان ممن يخفى عليه ذلك لكونه قريب عهد بالإسلام أو نشأ ببادية لم يحكم بكفره ويعرفه بوجوبها وتؤخذ منه.

٢ الجاحد بوجوب الزكاة فهو كافر ويقتل بكفره بعد الاستتابة.

٣ البخيل الذي لا يريد إخراج الزكاة فهو عاص وفاسق تؤخذ منه قهرا ويغر عليه.

**** Info Penting**

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 menyatakan dalam **Seksyen 21. Tidak membayar zakat atau fitrah**: Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi

- (a) enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau
- (b) enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana pihak lain yang diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah, **adalah** melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.


7.9 HIKMAT DISYARIATKAN ZAKAT



**** المعلومات المهمة**

ينص قانون الجناية الشرعية بولاية سلاغور سنة ١٩٩٥م في مادة ٢١ :
 عدم دفع الزكاة أو زكاة الفطر: أي فرد يجب عليه إخراج الزكاة أو زكاة الفطر لكن:
 أ. رفض الدفع أو تعمد في عدم إخراج الزكاة أو زكاة الفطر أو
 ب. رفض الدفع أو تعمد في عدم إخراج الزكاة أو زكاة الفطر عن طريق العامل الرسمي أو
 أي جهة لها سلطة من قبل مجلس الشؤون الإسلامية لجمع الزكاة أو زكاة الفطر.
 يكون مرتكباً للخطيئة إذا فعل ذلك وفي حال ثبوتها يجوز أن يعرّم بما لا يزيد عن
 خمسة الآف رنجيت أو يسجن في مدة لا تزيد عن ثلاث سنوات أو كلاهما.

٧،٩ - حكمة مشروعية الزكاة



٧،١٠ - المسائل المتعلقة

السؤال : ما حكم قبول الزكاة لمن لا يستحقها؟

الجواب : لا يجوز قبول الزكاة لمن لا يستحقها. وإذا أخذها يجب ردها.

السؤال : هل تجزأ الضريبة المدفوعة للدولة عن الزكاة؟

الجواب : لا تجزأ الضريبة المدفوعة للدولة عن الزكاة لأنها لا توزع على مصارف الزكاة.

السؤال : هل تسقط الزكاة بالموت؟

الجواب : إذا استوفى شروط الزكاة ومات قبل أن يؤديها يجب على الورثة إخراجها.

٧،١١ - تحقيق التكافل الاجتماعي وتنمية اقتصاد المجتمع

١- المساعدة في بناء البيوت للمساكين.

٢- منح رأس المال للمحتاجين في إنشاء التجارة.

*** حديث اليوم

الصدقة تنمي الأموال

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال رسول الله ﷺ : من تصدق بعدل تمرة من كسب طيب، ولا يقبل الله إلا الطيب، وإن الله يتقبلها بيمينه، ثم يريها لصاحبه كما يربي أحدكم فلوه حتى مثل الجبل. (رواه البخاري)

7.10 MASALAH YANG BERKAITAN

Soalan : Apakah Hukum menerima zakat bagi orang yang tidak berhak?

Jawapan : Tidak boleh menerima zakat bagi orang yang tidak berhak. Apabila ia mengambilnya maka wajib memulangkannya kembali.

Soalan : Adakah memadai cukai yang dibayar kepada Negara menggantikan zakat?

Jawapan : Tidak memadai cukai yang dibayar kepada Negara menggantikan zakat kerana ianya tidak diagihkan mengikut pengagihan zakat.

Soalan : Adakah gugur kewajipan zakat disebabkan kematian?

Jawapan : Apabila seseorang itu telah cukup syarat wajib zakat kemudian ia mati sebelum mengeluarkan zakat maka wajib pewarisnya mengeluarkannya

7.11 MEREALISASIKAN JAMINAN SOSIAL DAN MEMBANGUNKAN EKONOMI MASYARAKAT

- 1- Membantu membina rumah-rumah orang miskin.
- 2- Memberi modal perniagaan kepada orang yang memerlukan untuk membina perniagaan.

*** Hadis Hari ini

Sedekah Mengembangkan Harta

Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah saw bersabda: *"Barangsiapa bersedekah dengan separuh biji kurma dari hasil usaha yang baik, dan Allah tidak menerima kecuali (amalan) yang baik, maka Allah menerimanya dengan tangan kanan-Nya, kemudian mengembangkannya untuk pelakunya sebagaimana seorang di antara kamu memelihara kuda peliharaannya sehingga (ia membiak dengan banyak) seperti bukit."*

(Hadis riwayat Bukhari)

Pelajaran 8

ZAKAT FITRAH

8.1 Definisi Zakat Fitrah

Zakat fitrah : Zakat yang ditentukan bagi setiap orang Islam sebelum solat hari raya fitri untuk diberikan kepada golongan tertentu.

8.2 Dalil Disyariatkan Zakat Fitrah

Hadis:

Dari Ibnu Umar r.a bahwa Rasulullah saw mewajibkan zakat fitrah sebanyak segantan kurma atau segantan gandum ke atas setiap orang merdeka , hamba, laki-laki dan perempuan di kalangan orang Islam. (hadis riwayat Bukhari)

Ijmak

Para ulamak sepakat tentang pensyariatan Zakat fitrah

8.3 Hukum Zakat Fitrah

Zakat fitrah adalah wajib bagi setiap mukallaf

8.4 Syarat Wajib Zakat fitrah

Syarat Wajib Zakat fitrah

1

Islam : Seorang muslim, maka tidak wajib ke atas orang kafir

2

Waktu : Sempat hidup di akhir bulan Ramadhan dan di awal bulan Syawal.

3

Mampu (mempunyai lebih harta): Mukallaf itu mempunyai lebih harta dari nafkah dirinya dan nafkah keluarganya pada malam dan siang hari raya

زكاة الفطر

٨،١ - تعريف زكاة الفطر

زكاة الفطر : صدقة مقدرة عن كل مسلم قبل صلاة عيد الفطر في مصارف معينة.

٨،٢ الدليل على مشروعية زكاة الفطر

السنة : عن ابن عمر رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ، أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ. [رواه البخاري]

الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية زكاة الفطر.

٨،٣ حكم زكاة الفطر

إن زكاة الفطر واجبة لكل مكلف.

٨،٤ شروط وجوب زكاة الفطر

شروط وجوب زكاة الفطر

الإسلام : أن يكون مسلماً، فلا يجب على الكافر.

الوقت : إدراك آخر جزء من رمضان وأول جزء من شوال.

اليسار : أن يكون عند المكلف فضل من المال عن نفقته ونفقة عياله

في ليلة العيد ويومه.

8.5 Kadar Zakat Fitrah Dan Waktu Menunaikannya

Kadar Zakat fitrah ialah segantan makanan ruji (makanan asasi) tempat yang didiami oleh mukallaf. Beras adalah makanan asasi di Malaysia.

| Waktu Menunaikan Zakat Fitrah | |
|------------------------------------|---|
| Waktu wajib | Terbenam matahari pada hari terakhir Ramadhan iaitu malam pertama hari raya |
| Waktu sunat dan paling baik | Sebelum solat hari raya fitri |
| Waktu harus | Dari awal Ramadhan sehingga sebelum solat hari raya |
| Waktu makruh | Selepas solat hari raya |
| Waktu haram | Selepas terbenam matahari hari raya |

** info tambahan

Hukum menunaikan zakat selepas solat hari raya dikira sebagai satu sedekah daripada pelbagai bentuk sedekah lain dan bukannya sebagai zakat yang wajib.

8.6 Hikmah Disyariatkan Zakat Fitrah



٨،٥ مقدار زكاة الفطر ووقت أدائها


مقدار زكاة الفطر صاع من غالب قوت البلد الذي يقيم فيه المكلف، والأرز هو قوت البلد في ماليزيا.

| وقت أداء زكاة الفطر | |
|----------------------------|--|
| وقت الوجوب | غروب شمس آخر يوم من رمضان، أي أول ليلة العيد |
| وقت المستحب والأفضل | قبل صلاة العيد. |
| وقت المباح | من أول رمضان إلى ما قبل صلاة العيد. |
| وقت المكروه | بعد صلاة العيد. |
| وقت الحرام | بعد غروب الشمس يوم العيد. |

** المعلومات الإضافية

حكم أداء الزكاة بعد صلاة الفطر يعتبر صدقة من الصدقات وليست زكاة واجبة.

٨،٦ حكمة مشروعية زكاة الفطر



8.7 Masalah Yang Berkaitan Dengan Zakat Fitrah

i) Apakah hukum menunaikan zakat fitrah dengan matawang ?

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 15 Julai 1957 telah membuat keputusan: Harus membayar zakat fitrah dengan matawang. Perkara tersebut dengan nilai 2,600 gram beras

ii) Apakah Hukum zakat fitrah untuk bayi yang lahir sebelum terbenam matahari malam hari raya dan orang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari malam hari raya ?

- Wajib dikeluarkan zakat fitrah bagi bayi yang lahir sebelum terbenam matahari malam hari raya dan orang yang meninggal selepas terbenam matahari malam hari raya

iii) Apakah Hukum memindahkan zakat fitrah ke negeri lain ?

- Tidak boleh memindahkan zakat fitrah ke negeri /tempat lain. Ini kerana sabda nabi saw : “Maka beritahukanlah kepada mereka (orang Islam) bahwa Allah telah mewajibkan zakat atas mereka yang diambil dari orang kaya di kalangan mereka lalu diagihkan kepada golongan fakir di kalangan mereka”.

8.8 Merialisasikan Jaminan Sosial Dan Memajukan Ekonomi Masyarakat

1. Mengukuhkan ikatan persaudaraan dan menguatkan hubungan antara anggota masyarakat khususnya antara golongan kaya dan fakir miskin.
2. Membantu orang yang memerlukan dan mereka adalah golongan yang layak mendapat zakata dan menampung keperluan mereka.

** Hadis Hari Ini

Zakat Fitrah Menyucikan Jiwa

Dari Ibnu Abbas r.a bahawa Rasulullah saw mewajibkan zakat fitrah sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa dari perkataan yang tidak berguna dan kotor, dan sebagai makanan bagi orang-orang miskin. Maka barangsiapa yang mengeluarkannya sebelum sholat, ia menjadi zakat yang diterima dan barangsiapa mengeluarkannya setelah sholat, ia menjadi sedekah biasa”.

(Hadis riwayat Abu Daud)

٨٧ المسائل المتعلقة بزكاة الفطر

i) ما حكم أداء زكاة الفطر بالنقود ؟

- قرر لجنة الفتاوى بالمجلس الوطني للشؤون الإسلامية بماليزيا في جلستها ٥٧ بتاريخ ١٥ يوليو ١٩٥٧ م على جواز دفع زكاة الفطر نقدا وذلك بمقدار قيمة ٢٦٠٠ غرام من الأرز.

ii) ما حكم زكاة الفطر للمولود قبل الغروب ليلة العيد والمتوفى بعده؟

- وجوب زكاة الفطر للمولود قبل الغروب ليلة العيد والمتوفى بعده

iii) ما حكم نقل زكاة الفطر إلى بلاد أخرى؟

- لا يجوز نقل زكاة الفطر إلى بلاد أخرى وذلك لقول النبي ﷺ : فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فُتَرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ. [رواه البخاري]

٨٨ تحقيق التكافل وتنمية اقتصاد المجتمع

- ١ - تقوية الصلة وتوطيد العلاقة بين أفراد المجتمع خاصة بين الأغنياء والفقراء
- ٢ - مساعدة المحتاجين وهم مصارف الزكاة وسد حاجاتهم.

** حديث اليوم

زكاة الفطر تطهر النفوس

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ؛ طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ، وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ، فَمَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ. (رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ)

ZAKAT HARTA**9.1 Zakat Emas dan Perak**

Sesuatu yang ditempa sebagai matawang untuk digunakan (dalam muamalat seharian) atau kedua-duanya adalah bijih emas/perak. Dinamakan juga sebagai matawang emas (dinar) dan perak (dirham)

9.1.1 Dalil Pensyariatan Zakat Emas dan Perak**Al Quran**

Firman Allah swt : Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahwa mereka akan mendapat) siksa yang pedih

Hadis

Daripada Abu Zar r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: "Tidaklah pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan darinya (perak/emas) akan haknya (iaitu zakat), kecuali apabila berlaku hari kiamat, (perak/emas tersebut) dijadikan lempengan-lempengan berupa api, kemudian dipanaskannya di dalam neraka Jahanam, lalu digosok lambungnyam dahinya dan belakangnya/punggungnya dengan lempengan berupa api itu . Setiap kali lempengan itu dingin, dikembalikan (dipanaskan di dalam nerakan Jahanam) untuk (menyiksa)nya. (Pada hari kiamat) ukuran satu harinya adalah 50 ribu tahun, sehingga diputuskan (hukuman) di antara seluruh hamba. Kemudian dia akan melihat (atau: diperlihatkan) jalannya, sama ada ke surga, dan ke neraka". [Hadis riwayat Muslim]

Ijmak

Ulamak sepakat tentang pensyariatan (kewajipan mengeluarkan) zakat emas dan perak.

**** info tambahan**

- Ulamak telah menentukan kadar dinar mengikut timbangan sekarang menyamai $4 \frac{1}{4}$.gram, maka nisab emas sekarang ialah 85 gram emas, (20 dinar X 4.25 gram = 85 gram)
- Manakala kadar dirham ianya menyamai 3.36 gram, maka nisab perak ialah 672 gram perak. (200 dirham X 3.36 gram = 200 gram)
- Kadar nisab wang kertas pula sekarang ini menyamai nilai nisab emas.

زكاة الأموال

الدرس التاسع :

9.1 زكاة الذهب والفضة

ما كانا مضروبين عملة للاستعمال، أو كانا سبائك، أو كانا تبرين. وتسمى أيضا بالنقدين.

9.1.1 الدليل على مشروعية زكاة الذهب والفضة

الكتاب - قال الله تعالى : **وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ**

اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ. [سورة التوبة ٩ : ٣٤]

السنة - عن أبي ذر رضي الله عنه قال : قال رسول الله ﷺ : **مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ، لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، حَتَّى يُفْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ، فَيَرَى سَبِيلَهُ، إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِمَّا إِلَى النَّارِ.** [رواه مسلم]

الإجماع - أجمع العلماء على مشروعية الزكاة في الذهب والفضة.

**** المعلومات المهمة**

- قَدَّر العلماء الدينار بوزن اليوم بأنه يساوي أربعة غرامات وربع الغرام، فيكون نصاب الذهب اليوم خمسة وثمانين غراما ذهباً، (٢٠ دينار × ٤،٢٥ = ٨٥ غراما).
- وأما الدرهم فيساوي ثلاثة غراما وستة وثلاثين بالمئة من الغرام، فيكون نصاب الفضة ستمئة واثنين وسبعين غراما فضة، (٢٠٠ درهما × ٣،٣٦ = ٢٠٠ غراما).
- أما نصاب النقود الورقية اليوم فإنه يعادل قيمة نصاب الذهب.

9.1.2 Syarat Wajib Zakat Emas dan Perak

1. **Islam** : zakat tidak wajib atas orang kafir
2. **Milik Sempurna** : tidak wajib zakat kepada harta wakaf
3. **Bukan Harta/Barangan Perhiasan** : (Orang yang memiliki harta perhiasan yang tidak melebihi dari had keterlaluan mengikut 'uruf masyarakat maka tidak dikenakan zakat. Sekiranya melebihi had mengikut 'uruf masyarakat maka diwajibkan zakat.
4. **Cukup nisab** : nisab emas : nilai 20 dinar atau 85 gram emas
nisab perak : nilai 200 dirham atau 672 gram perak
5. **Cukup Haul** (telah berlalu satu tahun ke atas harta yang dimiliki dalam perkiraan tahun hijrah iaitu selama 354 hari) : kekal pemilikan harta itu di tangan tuannya selama setahun hijrah

** Perbendaharaan kata:

Nisab : kadar yang diwajibkan zakat.

Kadar Zakat Emas, Perak dan Wang Kertas : 2.5 %

9.2 Zakat Ma'adin dan Rikaz

Sesuatu yang dikeluarkan dari perut bumi seperti emas dan perak

Ma'adin

Kata jamak bagi (معدن) iaitu nama bagi tempat yang Allah jadikan permata seperti emas, perak, besi dan tembaga. Apabila seorang muslim mengeluarkan galian daripada bumi yang tidak diusahakan dan tiada pemilik atau galian yang dikeluarkan dari kawasan yang dimilikinya, maka wajib dikeluarkan zakatnya.

Rikaz

Barangan tinggalan zaman jahiliah yang tertanam iaitu harta yang tertanam pada zaman jahiliah sebelum islam.

9.1.2 شروط وجوب زكاة الذهب والفضة

١. الإسلام : لا تجب على الكافر.
٢. الملك التام : لا زكاة على الأوقاف.
٣. غير الحلي : من لم يكن بالغاً من الكثرة إلى حد السرف في عرف الناس.
٤. كمال النصاب :

- نصاب الذهب : عشرون دينارا أو ٨٥ غراما من الذهب

- نصاب الفضة : مئتان درهم أو ٦٧٢ غراما من الفضة.

٥. حولان الحول : أن تبقى الملكية في يد صاحبها سنة قمرية هجرية كاملة.

** معاني الكلمات: - النصاب : القدر الذي عنده تجب الزكاة.

مقدار زكاة الذهب والفضة والورقة النقدية:

ربع العشر، أو اثنان ونصف في المئة (٢.٥%).

9.2 زكاة المعادن والركاز

ما استخراج من بطن الأرض من الذهب والفضة.

المعادن :

جمع معدن، وهو اسم للمكان الذي خلق الله تعالى به الجواهر من الذهب والفضة والحديد والنحاس. وإذا استخراج مسلم معدنا من أرض موات لا مالك لها، أو من أرض يملكها، فيجب عليه الزكاة فيه.

الركاز :

دفين الجاهلية. أي المال المدفون بالجاهلية قبل الإسلام.

9.2.1 Dalil Pensyariatan Zakat

Al Quran

Firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu”.

laitu daripada bijian, buahan, ma’adin (galian) dan rikaz (harta tertanam zaman jahiliah)

Hadis

Dari Bilal bin Harits r.a bahawa Rasulullah saw mengambil zakat dari barang galian di Qalibiyah. (Hadis riwayat Hakim)

Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah saw bersabda : dan pada harta tertanam zaman jahiliah itu zakatnya ialah 1/5.

Ijmak

Ulamak sepakat tentang pensyariatan (kewajipan mengeluarkan) zakat ma’adin dan rikaz.

9.2.2 Syarat Wajib Zakat ma’adin dan rikaz.

1. **Emas dan perak** : tidak wajib zakat pada harta galian lain yang dikeluarkan dari perut bumi seperti besi, plumbum (timah hitam), batu permata fairuz dan lain-lain. tidak wajib zakat pada rikaz yang lain daripada emas dan perak

2. Nisab : emas : 85 gram
perak: 672 gram

3. **Tidak disyaratkan haul** (cukup setahun) :

- **Ma’adin** :zakatnya wajib dikeluarkan segera selepas diperolehi.

- **Rikaz** : tidak disyarat tidak cukup setahun bahkan wajib zakat selepas diperolehi.

kadar zakat Ma’adin : 2.5% daripada jumlah keseluruhannya.

kadar zakat Rikaz : 1/5 atau 20% daripada jumlah kesemua yang diperolehi.

9.2.1 dalil علی مشروعیة زكاة المعادن والركاز

الكتاب – قال الله تعالى : يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا

أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ [سورة البقرة ٢: ٢٦٧]

أي من الحبوب والثمار والمعادن والركاز.

السنة – * عَنْ بِلَالِ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَخَذَ مِنَ الْمَعَادِنِ الْقَبِيلِيَّةِ الصَّدَقَةَ.

[رواه الحاكم]

* عن أبي هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: وفي الركاز الخمس. [رواه البخاري]

الإجماع – أجمع العلماء على مشروعیة الزكاة في المعادن والركاز.

9.2.2 شروط وجوب زكاة المعادن والركاز

١. الذهب والفضة : لا زكاة في المستخرج من المعادن الأخرى كالحديد والرصاص

والفيروز وغيرها. ولا زكاة في الركاز من غير الذهب والفضة.

٢. النصاب : * الذهب : ٨٥ غرام

* الفضة : ٦٧٢ غراما

٣. عدم الحول : * المعادن : تجب فور استخراجها

* الركاز : لا يشترط حولان الحول، تجب الزكاة فيه بعد وجوده.

مقدار زكاة المعادن : ربع العشر أو اثنان ونصف في المئة (٢.٥%).

مقدار زكاة الركاز : الخمس أو عشرون في المئة (٢٠%).

9.3 Zakat Barangan Perniagaan

Barangan Perniagaan : Setiap barangan yang diniagakan oleh manusia

9.3.1 Dalil disyariatkan Zakat Barangan Perniagaan

Al Quran

Firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik”.

dimaksudkan dengan (الكسب) ialah perniagaan

Hadis

Daripada Samurah bin Jundub r.a berkata: Rasulullah saw. memerintah kita supaya mengeluarkan zakat dari barang-barang yang kita sediakan untuk jual-beli.

(hadis riwayat Abu Daud)

Ijmak

Ulamak sepakat tentang pensyariatan (kewajipan mengeluarkan) zakat Barangan Perniagaan

9.3.2 Syarat Wajib Zakat Barangan Perniagaan

1. Memiliki barangan dengan akad jual beli
2. Niat untuk perniagaan ketika memilikinya
3. Cukup nisab emas dan perak
4. Genap setahun.

9.3 زكاة عروض التجارة

عروض التجارة : كل سلعة يتاجر فيها الإنسان.

9.3.1 الدليل على مشروعية زكاة عروض التجارة

الكتاب – قال الله تعالى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ

[سورة البقرة ٢: ٢٦٧]، والمراد بالكسب : التجارة.

السنة – عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي

نُعِدُّ لِلْبَيْعِ. [رواه أبو داود]

الإجماع – أجمع العلماء على مشروعية زكاة عروض التجارة.

9.3.2 شروط وجوب زكاة عروض التجارة

١. ملك العرض بعقد فيه عوض.
٢. نية المتاجرة عند التملك.
٣. كمال نصاب الذهب والفضة.
٤. حولان الحول.

9.4 Zakat Tanaman dan Buah-buahan

Tanaman dan Buah-buahan : Makanan yang dimakan oleh manusia dalam keadaan kebiasaannya dan boleh menyimpannya tanpa rosak.

Tanaman

1. Gandum
2. Beras
3. Kacang Dal
4. Buah-buahan

Buah-buahan

1. Tamar
2. Anggur

* Perbendaharaan Kata

(الزروع) kata jamak bagi (زرع) iaitu pokok

(الثمار)kata jamak bagi (ثمر) iaitu buah yang ada pada pokok

9.3.1 Dalil disyariatkan Zakat Tanaman dan Buah-buahan

Al Quran

Firman Allah swt:

“Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya”

Hadis

* Dari ‘Attab bin Asid r.a berkata: Rasulullah saw memerintahkan agar anggur ditaksir sebagaimana kurma, dan zakatnya diambil setelah dalam keadaan kering. (Hadis riwayat Bukhari).

* Dari Abdullah bin Umar r.a, dari nabi saw bersabda: “Tanaman yang diairi oleh hujan dan mata air atau yang mendapat air dari saluran (atau melalui akarnya) hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh (1/10). Tanaman yang diairi dengan dengan penimba, hendaklah dikeluarkan (zakatnya) seperduapuluh (1/20).” (Hadis riwayat Bukhari)

Ijmak

Ulamak sepakat tentang pensyarian (kewajipan mengeluarkan) zakat Tanaman dan Buah-buahan

9.4 زكاة الزروع والثمار

الزروع والثمار : ما يقتاتته الناس في أحوالهم العادية ويمكن ادخاره دون أن يفسد.

| الثمار | الزروع |
|-----------|------------|
| (١) الرطب | (١) الحنطة |
| (٢) العنب | (٢) الأرز |
| | (٣) العدس |
| | (٤) الثمار |

* معاني الكلمات

الزروع: جمع زرع، أي شجر

الثمار : جمع ثمر، وهي حمل الشجرة من الفاكهة.

9.4.1 الدليل على مشروعية زكاة الزروع والثمار

الكتاب - كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ [سورة الأنعام ٦ : ١٤١]

السنة - * عَنْ عَتَّابِ بْنِ أَسِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ يُخْرَصَ الْعِنَبُ، كَمَا يُخْرَصُ

النَّخْلُ، وَتُؤَخَذُ زَكَاتُهُ زَبِيًّا، كَمَا تُؤَخَذُ زَكَاتُ النَّخْلِ تَمْرًا. [رواه أبو داود]

* عن عبد الله بن عمر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عن النبي ﷺ قَالَ : فيما سقت السماء والعيون أو كان

عثرها العشر، وما سُقِيَ بالنضح نصف العُشْر. [رواه البخاري]

الإجماع - أجمع العلماء على مشروعية الزكاة في الزروع والثمار.

Syarat wajib zakat Tanaman dan Buah-buahan

| Tanaman | Buah-buahan |
|-------------------------------|-------------------------------|
| 1. Cukup nisab | 1. Cukup nisab |
| 2. Boleh disimpan | 2. Boleh disimpan |
| 3. Milik Sempurna | 3. Milik Sempurna |
| 4. Makanan yang mengenyangkan | 4. Makanan yang mengenyangkan |
| 5. Masih Boleh Dimakan | |

Kadar zakat Tanaman dan Buah-buahan

Nisab : 5 Ausuq menyamai 1,300 kilo gram

- Penanaman dengan air hujan : 1/10 (10%)
- Penanaman dengan perbelanjaan dan kos alatan pertanian : 1/20 (5%)

9.4.2 شروط وجوب زكاة الزروع والثمار

| الثمار | الزروع |
|-----------------|-----------------|
| (١) النصاب | (١) النصاب |
| (٢) الادخار | (٢) الادخار |
| (٣) الملك التام | (٣) الملك التام |
| (٤) الاقنيات | (٤) الاقنيات |
| (٥) بدو الصلاح | |

مقدار الزكاة الزروع والثمار

النصاب : خمسة أوسق* تساوي ١٣٠٠ كيلو غرام.

- بماء المطر %١٠ (١/١٠)

- بمؤنة وكفله %٥ (١/٢٠)

9.5 Zakat Ternakan

(الأنعام) adalah kata jamak bagi (نَعَم). Ternakan ini digunakan untuk unta, lembu, kambing dan kerbau.

9.5.1 Dalil Disyariatkan Zakat Ternakan

Hadis

Dari Salim, dari bapanya, berkata: Rasulullah saw menulis kitab Sedekah di dalamnya tercatat: pada lima ekor unta zakatnya adalah seekor kambing, dua puluh ekor unta zakatnya adalah dua ekor kambing, pada dua puluh lima ekor unta zakatnya adalah seekor ibnatu Makhad sehinggalah tiga puluh lima ekor unta. (hadis riwayat Tarmizi)

ijmak

Ulamak sepakat tentang pengsyaritan (kewajipan mengeluarkan) zakat ternakan

9.5.2 Syarat Wajib Zakat Ternakan

1. Cukup nisab
2. Genap setahun
3. Milik sempurna
4. Ternakan tidak digunakan sebagai alat bekerja
5. Ternakan peliharaan dibekalkan dengan makanan

Nisab ternakan

1. Unta

| | | | |
|-------------|------------------------------|---------------|-----------------------------|
| (1) 5 – 9 | = Seekor kambing | (2) 10 – 14 | = 2 ekor kambing |
| (3) 15 – 19 | = 3 ekor kambing | (4) 20 – 24 | = 4 ekor kambing |
| (5) 25 - 35 | = seekor <i>bintu makhad</i> | (6) 36 – 45 | = seekor <i>bintu labun</i> |
| (7) 46 - 60 | = seekor <i>hiqqah</i> | (8) 61 - 75 | = seekor <i>jaza'ah</i> |
| (9) 76 - 90 | = 2 ekor <i>bintu labun</i> | (10) 91 - 121 | = 2 ekor <i>hiqqah</i> |

- Bilangan yang lebih pada setiap 40 ekor unta, zakatnya seekor *bintu labun* dan pada setiap 50ekor zakatnya seekor *hiqqah*.

9.5 زكاة الأنعام

جمع نَعَم، وتطلق الأنعام على الإبل والبقر والغنم والجاموس.

9.5.1 الدليل على مشروعية زكاة الأنعام

السنة - عن سالم، عن أبيه، قال: كتب رسول الله ﷺ كتاب الصدقة فكان فيه: في خمسٍ من الإبل شاة، وفي عشرٍ شاتان، وفي خمسٍ عشرة ثلاث شياه، وفي عشرين أربع شياه، وفي خمسٍ وعشرين ابنة مخاضٍ إلى خمسٍ وثلاثين. [رواه الترمذي]

الإجماع - أجمع العلماء على مشروعية زكاة الأنعام.

9.5.2 شروط وجوب زكاة الأنعام

1. النصاب
2. الحول
3. الملك التام
4. الأنعام غير عاملة
5. السوم في الأنعام

* نصاب الأنعام

| | |
|-------------------------|-------------------------|
| ١ - الإبل | (١) ٥ - ٩ = شاة واحدة |
| (٢) ١٠ - ١٤ = شاتان | (٣) ١٥ - ١٩ = ثلاث شياه |
| (٤) ٢٠ - ٢٤ = أربع شياه | (٥) ٢٥ - ٣٥ = بنت مخاض |
| (٦) ٣٦ - ٤٥ = بنت لبون | (٧) ٤٦ - ٦٠ = حقة |
| (٨) ٦١ - ٧٥ = جدعة | (٩) ٧٦ - ٩٠ = بنتا لبون |
| (١٠) ٩١ - ١٢٠ = حقتان | |

ما زاد على ذلك في كل أربعين بنت لبون، وفي كل خمسين حقة.

2. Lembu

- (1) 30 – 39 = Seekor *Tabi'*/*tabi'ah*
 (2) 40 – 59 = Seekor *musinnah*
 (3) 60 – 69 = 2 ekor *Tabi'*
 (4) 70 – 79 = Seekor *Tabi'* dan *musinnah*
 (5) 80 - 89 = 2 ekor *muuinnah*
 (6) 90 - 99 = 3 ekor *Tabi'*
 (7) 100 - 109 = Seekor *musinnah* dan 2 ekor *Tabi'*
 (8) 110 - 119 = 2 ekor *musinnah* dan seekor *tabi'*

* bilangan yang lebih daripada itu, maka pada setiap 30 ekor dikenakan zakat seekor *tabi'* dan pada setiap 40 ekor dikenakan zakat seekor *musinnah*.

3. Kambing

- (1) 40 – 120 = Seekor *kambing*
 (2) 121 – 200 = 2 ekor *kambing*
 (3) 201 – 300 = 3 ekor *kambing*
 (4) 301 – 400 = 4 ekor *kambing*

** Perbendaharaan kata

(شاة) : seekor kambing ianya adalah biri-biri (yang masuk umur 2 tahun) iaitu biri-biri yang telah berumur 1 tahun atau kambing jantan yang berumur 2 tahun.

- (بنت مخاض) : unta yang masuk umur 2 tahun
 (بنت لبون) : unta yang masuk umur 3 tahun
 (حقة) : unta yang masuk umur 4 tahun
 (جدعة) : unta yang masuk umur 5 tahun
 (تبيع) : lembu yang berumur 1 tahun
 (مسنة) : lembu yang berumur 2 tahun

٢- البقر

- (١) ٣٠ - ٣٩ = تبيع أو تبيعة
 (٢) ٤٠ - ٥٩ = مسنة
 (٣) ٦٠ - ٦٩ = تبيعان
 (٤) ٧٠ - ٧٩ = تبيع ومسنة
 (٥) ٨٠ - ٨٩ = مستان
 (٦) ٩٠ - ٩٩ = ثلاث أتبعه
 (٧) ١٠٠ - ١٠٩ = مسنة وتبيعان
 (٨) ١١٠ - ١١٩ = مستان وتبيع

* ما زاد على ذلك في كل ثلاثين تبيع وفي كل أربعين مسنة.

٣- الغنم

- (١) ٤٠ - ١٢٠ = شاة واحدة
 (٢) ١٢١ - ٢٠٠ = شاتان
 (٣) ٢٠١ - ٣٠٠ = ثلاث شياه
 (٤) ٣٠١ - ٤٠٠ = أربع شياه

** معاني الكلمات

شاة : واحد الغنم على أن تكون جذعة ضأن، أي: لها سنة، أو ثنية معز، أي: لها سنتان.

بنت مخاض : الناقة ما دخلت في عامها الثانية.

بنت لبون : الناقة ما دخلت في عامها الثالثة.

حقة : الناقة ما دخلت في عامها الرابعة.

جدعة : الناقة ما دخلت في عامها الخامسة من عمرها.

تبيع : البقر ما له من العمر سنة.

مسنة : البقر ما له سنتان.

9.6 Hikmah Disyariatkan Zakat Harta

1. Membersihkan dari sifat kedekut dan menyucikan hati dari cintakan dunia
2. Melatih diri untuk memberi dan bersifat ihsan terhadap orang lain
3. Bersyukur atas nikmat Allah swt
4. Membersihkan harta dan menyuburkannya
5. Menarik sifat berkasih sayang (dapat) menyuburkan hubungan persaudaraan
6. Mengembangkan ekonomi masyarakat
7. Jaminan social
8. Memenuhi keperluan golongan lemah dan memerlukan
9. Merapatkan jurang antara anggota masyarakat

9.7 Masalah Yang Berkaitan dengan Zakat Harta

(1) Zakat pendapatan

- 1- Iaitu zakat hasil dari pekerjaan atau gaji yang diperolehi setiap bulan kerana usahanya
- 2- Nisab zakatnya ialah 85 gram emas
- 3- Kadarnya 2.5%

(2) Zakat simpanan

- 1- Simpanan ialah harta lebih daripada wang pendapat
- 2- Iaitu emas, perak dan wang kertas

9.6 حكمة مشروعية زكاة الأموال

١. تطهير من الشح وتركية للنفس من حب الدنيا.
٢. تدريب على الإنفاق والإحسان بالغير.
٣. الشكر على نعم الله.
٤. تطهير للأموال وتنميتها.
٥. مجلبة للمحبة تنمية الأخوة.
٦. تنمية اقتصاد المجتمع.
٧. ضمان اجتماعي.
٨. سد حاجات الضعفاء والمحتاجين.
٩. تقريب التفاوت بين أفراد المجتمع.

9.7 المسائل المتعلقة بزكاة الأموال

(١) زكاة الدخل

١. هي زكاة الكسب من العمل أو المهنة أو الراتب الذي أخذ الشخص كل شهر مقابل عمله.
٢. نصابها ٨٥ غراما من الذهب.
٣. مقدارها ٢.٥%.

(٢) زكاة المدخرات

١. المدخر هو المال الفائض من الدخل.
٢. هي الذهب والفضة والأوراق المالية.

(3) Zakat saham

- 1- **Saham** ialah hak pemilikan secara unit tertentu daripada modal yang besar bagi syarikat saham. Setiap unit saham adalah bahagian yang sama bagi modal tersebut.
- 2- **Bon** kata jamak bagi () iaitu dokumen perjanjian bertulis daripada bank, syarikat atau kerajaan kepada pemegangnya dengan membayar sejumlah hutang pada masa tertentu dengan imbalan faedah tertentu

(4) Zakat harta hutang:

- 1- **Hutang yang dapat dibayar** : wajib ke atasnya membayar zakat setiap tahun
- 2- **Hutang yang tidak mampu dibayar** : tidak wajib ke atasnya membayar zakat

(5) Zakat harta perhiasan

Harta Perhiasan yang harus digunakan tidak wajib dikeluarkan zakat selagi tidak sampai had boros mengikut 'uruf masyarakat. Manakala harta perhiasan yang haram digunakan maka wajib dikeluarkan zakat.

9.8 Merealisasikan Jaminan Sosial Dan Mengembangkan Ekonomi Masyarakat

- 1- Membantu mangsa-mangsa dalam bencana alam
- 2- Memberi bantuan pengajian untuk anak yatim dan pelajar

**** Hadis Hari Ini**

SEDEKAH ADALAH SATU CARA UNTUK MEMPEROLEHI KEAMPUNAN ALLAH SWT

"Dari Abu Hurairah r.a, dari Rasulullah saw bersabda: 'Tidaklah sedekah itu mengurangi harta, dan tidaklah Allah menambah bagi seorang hamba itu dengan pemberian maafnya (kepada saudaranya,) kecuali kemuliaan (di dunia dan akhirat), serta tidaklah seseorang itu merendahkan diri kerana Allah kecuali Dia akan meninggikan (derajat)nya (di dunia dan akhirat).'" (Hadis riwayat. Muslim)

(۳) زكاة الأسهم والسندات

۱. **الأسهم** : جمع سهم، وهو حق ملكية جزئية لرأس مال كبير للشركات المساهمة، وكل سهم وهو جزء من أجزاء متساوية لرأس المال.

۲. **السندات** : جمع السند، فهو تعهد مكتوب من البنك أو الشركة أو الحكومة لحامله بتسديد مبلغ مقدّر من قرض في وقت معين، نظير فائدة مقدرة.

مقدار زكاهما ۲،۵

(۴) زكاة الدين

۱. الدين مرجو الأداء : فيجب عليه الزكاة في كل حول.

۲. الدين غير مرجو أداءه : لا يجب عليه الزكاة.

(۵) زكاة الحلبي

الحلبي المباح استعماله لا يجب فيه الزكاة ما لم يبلغ حد الإسراف في عرف الناس أما الحلبي المحرم استعماله فيجب فيه الزكاة.

9.8 تحقيق التكافل الاجتماعي وتنمية اقتصاد المجتمع

۱- مساعدة الضحايا في المصائب الطبيعية.

۲- تقديم منحة دراسية للأيتام وللطلاب.

*** حديث اليوم**

الصدقة طريقة لحصول المغفرة

عن أبي هريرة رضي الله عنه ، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم ، قال: ما نقصت صدقة من مال، وما زاد الله عبداً بعفوٍ إلاّ عزّاً، وما تواضع أحدٌ لله إلاّ رفَعَهُ اللهُ. (رواه مسلم)

Pelajaran 10: **TALAK**

10.1 Pengertian Talak

Dari sudut bahasa: Melepaskan ikatan dan membebaskan

Dari sudut istilah syarak: melepaskan ikatan nikah dengan lafaz talak (cerai) dan seumpamanya.

10.2 Dalil disyariatkan talak

Al Quran

Firman Allah swt:

“Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik”.

Hadis

Daripada ibnu umar r.a berkata: daripada nabi saw bersabda: perkara halal yang paling dibenci di sisi Allah adalah talak. (hadis riwayat Abu Daud)

Ijmak

Ulamak sepakat pendapat tentang pensyariatan hukum talak

10.3 Hukum talak

| HUKUM | PENJELASANNYA |
|---------------|---|
| Wajib | <ul style="list-style-type: none"> Ketika retak hubungan antara suami isteri, apabila perkara tersebut bertambah teruk dan dua orang hakim (bagi pihak suami dan isteri) berpendapat (penyelesaian adalah) perpisahan maka wajiblah bercerai Ketika ila' (sumpah suami yang sah talaknya, untuk tidak menyetubuhi isterinya secara mutlak, atau lebih dari 4 bulan), apabila berakhirnya tempoh ila' (maka wajiblah bercerai) |
| Makruh | <ul style="list-style-type: none"> Apabila hubungan antara suami isteri adalah harmoni, lalu suami menceraikan isteri tanpa sebab yang diterima pada syarak atau dengan sebab yang kecil. |

الطَّلَاق

الدرس العاشر:

١٠،١ - تعريف الطلاق

لغة : الحلّ والانحلال.

شرعا : حلّ عقدة النكاح بلفظ الطلاق ونحوه.

١٠،٢ - الدليل على مشروعية الطلاق

الكتاب : قال الله تعالى: **أُطْلِقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ**

[سورة البقرة ٢ : ١ - ٢٢٩]

السنة : عَنِ ابْنِ عُمرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: عن النبي ﷺ قال: **أُبْعَضُ الْحَلَالَ عِنْدَ اللَّهِ**

الطَّلَاقُ. [رواه أبو داود]


الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية الطلاق.

١٠،٣ - حكم الطلاق

| الحكم | البيان |
|-------|---|
| واجب | <ul style="list-style-type: none"> في حالة الشقاق بين الزوجين إذا اشتد الأمر ورأى الحكمان التفريق فيجب الطلاق. في حالة الإيلاء إذا مضت مدة الإيلاء. |
| مكروه | <ul style="list-style-type: none"> إذا كان الحل بين الزوجين مستقيما، فيطلق بلا سبب مقبول شرعا، أو كان سببه بسيطا. |

| HUKUM | PENJELASANNYA |
|--------------|---|
| Haram | <ul style="list-style-type: none"> • Ketika waktu haid tanpa bayaran yang diberikan oleh isteri (untuk menebus dirinya)¹ dan tanpa permintaannya. • Ketika keadaan suci yang telah disetubuhi dan isterinya belum jelas kehamilannya. • Apabila suami mempunyai beberapa isteri yang dibahagiakan bahagiannya/gilirannya dan ia menceraikan salah seorang daripada isteri tersebut sebelum menyempurnakan bahagiannya/gilirannya. |
| Sunat | <ul style="list-style-type: none"> • Ketika isteri itu tidak berakhlak baik atau kedua-duanya atau salah seorang daripadanya bimbang tidak dapat melaksanakan ketetapan Allah atau seumpamanya |
| Harus | <ul style="list-style-type: none"> • Apabila perceraian itu ada sebab yang diterima pada syarak, walaupun begitu talak tersebut adalah suatu yang harus tetapi dibenci. |

10.4 Rukun Talak




** Perbendaharaan Kata :

- Mutalliq* : orang yang menuturkan perkataan “cerai”.
- Sighah* : lafaz yang dituturkan oleh seseorang.
- Mahall* : perempuan atau isteri.
- Qasad* : seseorang itu meniatkan lafaz cerai tersebut.
- Wilayah : boleh melaksanakan arahan kepada orang lain dan menyelia urusannya.

¹ hukum khulu' dan penerimaan 'iwadh. Kulu' ialah permintaan cerai kepada suami dengan pembayaran yang disebut 'iwadh

| البيان | الحكم |
|--|-------|
| <ul style="list-style-type: none"> - في الحيض بلا عوض منها ولا سؤالها. - في طهر جامعها فيه قبل بيان الحمل. - إذا كان عنده زوجات يقسم لهن وطلق واحدة قبل أن يوفيهما قسمها. | حرام |
| <ul style="list-style-type: none"> - عندما لا تكون المرأة عفيفة أو يخافا أو أحدهما أن لا يقيما حدود الله أو نحو ذلك. | مندوب |
| <ul style="list-style-type: none"> - إذا وجد للطلاق سبب مقبول شرعا، ومع ذلك فهو مباح بغيبض | مباح |

١٠،٤ - أركان الطلاق



** معاني الكلمات:

المُطَلِّق : الشخص الذي يتكلم بكلمة الطلاق.

الصيغة : اللفظ الذي يتكلم به الشخص

المَحَلُّ : هو المرأة أو الزوجة

القصد : أن يكون قاصدا لحروف الطلاق

الولاية : تنفيذ القول على الغير والإشراف على شؤونه.

10.5 JENIS TALAK

1) Jenis talak mengikut masanya

| JENIS | PENJELASANNYA |
|-------------|--|
| TALAK SUNNI | Isteri yang telah disetubuhi yang suci daripada haid dan nifas dan isteri tersebut bukan budak kecil, perempuan monopaus (yang telah putus haid) dan bukan mengandung. |
| TALAK BID'I | Cerai isteri yang telah disetubuhi ketika haid dan nifas atau ketika suci dan suami menyetubuhinya serta tidak jelas kehamilannya |

2) Jenis perceraian sama ada boleh diruju' atau tidak

| JENIS | PENJELASANNYA | Boleh Diruju' Atau Tidak |
|-------|--|---|
| Raj'i | <ul style="list-style-type: none"> • Perceraian yang mana suami boleh mengembalikan isterinya di bawah tanggungannya sebelum berakhir iddah isterinya. • Perceraian ini boleh berulang sebanyak dua kali. • Isteri yang dicerai kali ketika maka terputuslah hubungan perkahwinan secara langsung dan muktamad. | Boleh ruju' kepada isteri tanpa akad nikah yang baru sebelum berakhirnya tempoh iddah. |
| Bain | Bain Sughra : <ul style="list-style-type: none"> • Apabila isteri telah habis tempoh iddahnya dan suami tidak ruju' (kembali ikatan perkahwinan) kepada isterinya pada perceraian pertama dan kedua, tetapi tidak boleh rujuk bagi perceraian kali ketiga. • Perceraian itu bukan dengan talak tiga. | Boleh ruju' kepada isteri dengan akad nikah yang baru selepas berakhirnya tempoh iddah. |
| | Bain Kubra : <ul style="list-style-type: none"> • Talak tiga dengan satu lafaz sama ada talak yang berasingan atau tidak. | Haram suami mengahwini bekas isterinya sehingga isteri tersebut berkahwin dengan orang lain dengan perkahwinan yang sah dan berlaku persetubuhan. |

١٠،٥ - أنواع الطلاق


(١) أنواع الطلاق بحسب زمانه

| النوع | البيان |
|---------------|--|
| الطلاق السني | أن تكون الزوجة المدخول بها طاهرة من الحيض والنفاس، ولم تكن صغيرة ولا آيسة ولا حاملا. |
| الطلاق البدعي | هو طلاق الزوجة المدخول بها في حيض ونفاس، أو في طهر جامعها فيه، ولم يتبين حملها. |

(٢) أنواع الطلاق بحسب إمكانية الرجوع وعدمه

| النوع | البيان | إمكانية الرجوع وعدمه |
|--------|---|---|
| الرجعي | <ul style="list-style-type: none"> - الطلاق الذي يستطيع الزوج فيه إعادة زوجته إلى عصمته قبل انتهاء عدتها. - يمكن أن يتكرر هذا مرتين. - المرة الثالثة فإن الطلاق يفصل العلامة الزوجية حالا ونهائيا. | يجوز الرجوع إلى الزوجة بدون عقد جديد قبل انتهاء العدة. |
| البائن | البائن الصغرى : | يجوز الرجوع إلى الزوجة بعقد جديد بعد انتهاء العدة. |
| | <ul style="list-style-type: none"> - إذا انتهت الزوجة العدة ولم يراجع الزوج زوجته في الطلاق الأول والثاني دون الثالث. - ما كان دون ثلاث طلاقات. | |
| | البائن الكبرى : | يحرم على الزوج أن يتزوجها حتى تنكح غيره نكاحا صحيحا ووطئها. |
| | <ul style="list-style-type: none"> - ثلاث طلاقات بكلمة واحدة سواء كانت الطلاقات متفرقات أو غير متفرقات. | |

10.6 Hikmah disyariatkan talak




10.7 kembali kepada syarak dalam menyelesaikan masalah perkahwinan

1. Peranan majlis islah (memperbaiki hubungan) di antara suami dan isteri
2. Bersabar dalam menghadapi kesulitan dan cabaran dalam kehidupan suami isteri

** Hadis hari ini

Daripada Ummu Salamah r.ha berkata: Rasulullah saw bersabda : Mana-mana perempuan yang mati sedangkan suaminya redha terhadapnya maka dia masuk syurga. (Hadis riwayat Tirmizi)

١٠،٦ - حكمة مشروعية الطلاق



١٠،٧ - اللجوء إلى الشرع في حل المشاكل الزوجية

١. دور مجلس إصلاح بين الزوجين.
٢. الصبر في مواجهة الصعوبات والتحديات في الحياة الزوجية.

** حديث اليوم

عن أم سلمة رضي الله عنها قالت: قال رسول الله ﷺ : أيما امرأة ماتت وزوجها عنها راض دخلت الجنة. (رواه الترمذي)

Pelajaran 11

FASAKH (PEMBUBARAN PERKAHWINAN)

11.1 PENGERTIAN FASAKH

Dari sudut bahasa : Fasakh ialah Membatalkan atau memisahkan

Dari sudut istilah syara' : Fasakh ialah membatalkan akad dan merungkaikan ikatan perkahwinan (suami isteri) kerana adanya sesuatu sebab atau kecacatan yang mewajibkan pembatalan (perkahwinan) tersebut atau harus membatalkannya.

11.2 DALIL PENSYARIATAN HUKUM FASAKH

Hadis :

Daripada Ibn 'Umar r.a bahawa Nabi saw telah berkahwin dengan seorang perempuan dari keturunan Bani Ghifar , apabila perempuan itu masuk mendekati baginda dan menanggalkan pakaiannya , lalu baginda melihat terdapat satu tompokan putih pada lambungnya. Nabi saw berkata kepadanya : “ Pakai kembali pakaiannmu dan pulanglah kamu ke pangkuan keluargamu dan baginda berkata kepada keluarganya : “Kamu telah menyembunyikan sesuatu (kecacatan perempuan itu) dariku”

(الكشخ) lambung, (البياض) penyakit sopak, (دلستم) kamu menyembunyikan kecacatan

11.3 HUKUM FASAKH

Hukum fasakh adalah harus dengan sebab adanya kecacatan pada salah seorang dari suami isteri

Tuntutan Fasakh Perlu Diadukan Kepada Hakim

Suami atau isteri tidak boleh menfasakhkan nikah secara persendirian dengan sebab terdapat apa-apa kecacatan bahkan perlu mengangkatnya/mengadukannya kepada hakim dan memohon fasakh . Apabila terbukti kecacatan itu atau beberapa kecacatan disisi hakim, maka hakim akan memutuskan fasakh (pembubaran) perkahwinan tersebut

الفسخ : الدرس الحادي عشر :

١١،١ - تعريف الفسخ

لغة : هو النقص أو التفريق.

شرعا : هو نقض للعقد وحل بين الزوجين لوجود سبب أو عيب يوجب ذلك أو يبيحه.

١١،٢ - الدليل على مشروعية الفسخ

السنة : عن ابن عمر رضي الله عنهما أن النبي ﷺ تزوج امرأة من بني غفار، فلما دخلت عليه، ووضعت ثيابها، رأى في بكشخها بياضاً، فقال لها : ألبسي ثيابك، والحقي بأهلك.

وقال لأهلها : دلستم علي. [رواه البيهقي]

والمراد بالكشخ : الجنب. والبياض : البرص. ودلستم : أخفيتم العيب.

١١،٣ - حكم الفسخ

الفسخ جائز، بسبب وجود عيب في أحد زوجين.

الفسخ يحتاج إلى الرفع إلى القاضي

لا يستقل الزوج، أو الزوجة في فسخ النكاح بسبب عيب من العيوب، بل لا بد من الرفع إلى القاضي، وطلب الفسخ عنده، فإذا تحقق العيب أو العيوب عنده حكم القاضي بفسخ الزواج.

11.4 JENIS FASAKH

Fasakh Disebabkan Kecacatan Yang-Boleh Berlaku Pada Suami Atau Isteri

Apabila salah seorang dari pasangan (suami isteri) itu mendapati ada kecacatan ini pada pasangannya :

1. Gila
2. penyakit Kusta
3. Penyakit Sopak
4. Penyakit AIDS atau Siplis
5. Murtad salah seorang dari pasangan (suami isteri)

Fasakh Dengan Sebab Kecacatan Pada Isteri

Apabila suami mendapati isterinya :

1. Ratqa' (kemaluan perempuan yang tertutup dengan ketulan daging)
2. Qarna' (kemaluan perempuan yang tertutup dengan tulang)

Fasakh Disebabkan Kecacatan Pada Suami

Apabila isteri mendapati si suami :

1. Majbub , (zakar terpotong).
2. 'Anin (lemah syahwat/mati pucuk).
3. Khiso' (tiada biji zakar).
4. Tidak mampu memberi nafkah

١١،٤ - أنواع الفسخ

الفسخ بسبب العيوب المشتركة

إذا وجد أحد الزوجين في الآخر :

١. جنون
٢. جذام
٣. برص
٤. أيدز أو سيفلس
٥. ردة أحد الزوجين عن الإسلام أو غيرها.

الفسخ بسبب العيوب في الزوجة

إذا وجد الزوج زوجته:

١. رتقاء
٢. قرناء

الفسخ بسبب العيوب في الزوج

إذا وجد الزوجة زوجها:

١. مجبوب
٢. عين
٣. خصاء
٤. إفسار في النفقة

** Perbendaharaan kata :

- (جُذَام) penyakit Kusta iaitu Sejenis penyakit yang menyebabkan kulit kemerahan , kemudian menjadi hitam , rosak dan berbau busuk, seterusnya merosakan fungsi anggota badan dan keadaannya
- (برص)penyakit Sopak iaitu warna Putih yang terang ianya timbul pada kulit berbentuk tompokan.
- (رتقاء) Ratq ialah kemaluan perempuan yang ditutupi oleh ketulan daging yang menyebabkan tidak dapat melakukan jimak dengannya
- (قرناء) Qarn ialah tulang yang membenjol - seperti tanduk kambing – di dalam kemaluan perempuan sehingga ia menghalang zakar memasukinya
- (محبوب) Jabb ialah zakar terpotong
- (عنين) Annah ialah tiada kemampuan untuk menyetyubuhi isteri.
- (الخصاء) Khiso' : Tertanggal dua biji zakar sedangkan zakarnya masih ada.

11.5 MEMELIHARA HAK-HAK MANUSIA

1. Fasakh adalah salah satu cara untuk menjaga hak perkahwinan (suami isteri) disebabkan adanya kecacatan yang membawa kepada fasakh.
2. Suami isteri perlu membuat aduan (tentang masalah mereka) kepada mahkamah dan meminta penjelasan daripada hakim sebelum memohon fasakh . Hal ini bertujuan untuk memastikan keadilan di antara pasangan (suami isteri) melalui cara yang disyariatkan

** Hadis hari ini :**HARAM MEMBUKA AIB PASANGAN**

Daripada Abu Said al Khudri ra berkata: Rasulullah saw bersabda: “Sesungguhnya manusia yang paling buruk (rendah kedudukannya) di sisi Allah swt pada hari kiamat adalah seorang lelaki yang menggauli (bersetubuh dengan) isterinya dan isterinya bersetubuh dengannya, kemudian dia menyebarkan rahsia pasangannya itu” (Hadis riwayat Muslim)

** معاني الكلمات

- **جُذَام** : داء يحمر منه الجلد ثم يسود ويفسد وينتن فيفسد مزاج الأعضاء وهيئاتها
- **برص** : بياض شديد يظهر في الجلد على شكل بقاع
- **رتقاء** : الرتق ، الفرج مسدود بغدة من اللحم بحيث تتعذر معها الجماع
- **قرناء** : القرن، عظم يبرز يشبه قرن الشاة في الفرج بحيث تمنع دخول الذكر
- **محبوب** : الحب، مقطوع الذكر
- **عنين** : العنة، عدم القدزة على معاشررة الزوجة
- **الخصاء** : انتزاع خصيتي الرجل مع بقاء دكره

١١،٥ - صيانة حقوق الإنسان

١. الفسخ نوع من صيانة الحقوق الزوجة بسبب العيوب المؤدية إلى الفسخ.
٢. لا بد على الزوجين أن يرفعا الأمر إلى المحكمة ويستفسرا من القاضي قبل الفسخ. وذلك لتحقيق العدالة بين الزوجين بطريقة شرعية.

** حديث اليوم**حرام إفشاء سرّ الزوجين**

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ : إن من أشر الناس عند الله منزلة يوم القيامة الرجل يقضي إلى امرأته وتقضي إليه ثم ينشر سرها. (رواه مسلم)

الْخُلْعُ

١٢،١ - تعريف الخلع

لغة : النزع والإزالة.

شرعا : هو فرقة بين الزوجين بعوض مقصود راجع لجهة الزوج بلفظ طلاق أو خلع.

١٢،٢ - الدليل على مشروعية الخلع

الكتاب: قال الله تعالى: فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ ^٥ [سورة البقرة ٢ : ٢٢٩]

السنة : عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ امْرَأَةً ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ أَتَتْ النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ، مَا أَعْتَبْتُ عَلَيْهِ فِي خُلُقٍ وَلَا دِينٍ، وَلَكِنِّي أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : أَتُرَدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيثَهُ؟ قَالَتْ : نَعَمْ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : اقْبَلِ الْحَدِيثَ وَطَلِّقْهَا تَطْلِيقَةً. [رواه البخاري]

الإجماع : أجمع العلماء على جواز الخلع.

١٢،٣ - حكم الخلع

الخلع جائز في حالة عدم الوفاق والشقاق.

Pelajaran 12

KHULU' (tebus talak)

12.1 PENGERTIAN KHULU'

Dari sudut bahasa : Menanggal dan menghilangkan

Dari sudut istilah syara' : Perpisahan (perceraian) antara suami isteri dengan bayaran tertentu (gantirugi) yang berikan kepada pihak suami dengan lafaz talak dan khulu.'

12.2 DALIL DISYAR'KAN KHULU'

Al Quran

Firman Allah swt : "Oleh itu kalau kamu khawatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa mengambil bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu)".

Hadis

Daripada Ibnu Abbas r.a bahawa isteri Thabit bin Qais datang (mengadu) kepada Nabi saw : Wahai Rasulullah, Thabit bin Qais itu aku tidak cela perangainya dan agamanya tetapi aku benci kufur dalam Islam. Rasulullah saw berkata: Adakah kamu ingin mengembalikan tamannya? Dia berkata: Ya. Rasulullah saw berkata: (Wahai Thabit) terimalah taman (bayaran ganti rugi) tersebut dan cerailah isterimu. (Hadis riwayat Bukhari)

Ijmak

Ulamak sepakat berpendapat : khulu' adalah harus

12.3 HUKUM KHULU'

Hukum **khulu'** adalah harus ketika tidak ada persefahaman dan perbalahan suami isteri

12.4 SYARAT KHULU'

| | RUKUN | SYARAT |
|---|--|---|
| 1 | suami | Suami adalah seorang yang berakal , baligh , dengan kehendak/pilihan sendiri |
| 2 | Orang yang minta khulu' iaitu isteri | Mempunyai kuasa penuh dalam mengurus harta , seorang mukallaf yang tidak dihalang dari mengurus harta kerana bodoh atau sakit |
| 3 | Tempat : iaitu benda tukaran (kemaluan isteri : tempat suami bersetubuh dengan isterinya) | Perkara tersebut milik suami |
| 4 | Bayaran : iaitu tukaran yang wajib ditunaikan oleh isteri | Perkara tersebut milik suami |
| 5 | Sighah iaitu Lafaz Ijab dan qabul dari pihak suami dan isteri | -Tidak diselangi di antara ijab dan kabul itu dengan percakapan yang tiada kaitan secara berlebihan. - Berturut – turut di antara ijab dan kabul - Ada persamaan walaupun hanya dari sudut maksudnya. |

** Info penting

Khulu' itu Sah dengan lafaz “khulu’”, “talak” dan lafaz kinayah yang disertakan dengan niat dan menyebut bayaran (gantirugi) .

Contoh **lafaz yang jelas** : Suami berkata kepada isterinya :” Aku ceraikan kamu” atau “aku khulu’kan kamu” dengan bayaran sepuluh ribu ringgit Kemudian isterinya menerima (perkara tersebut)

Contoh **lafaz kinayah** : Suami berkata kepada isterinya: “Aku jual kepada kamu dirimu ini dengan sekian sekian (sejumlah tertentu)”. Jawab isteri “ Aku membelinya”.

١٢،٤ - شروط الخلع

| الرقم | الركن | الشرط |
|-------|---|---|
| ١ | الزوج | أن يكون الزوج عاقلاً، بالغاً، مختاراً. |
| ٢ | المختلع : وهو الزوجة. | أن يكون مطلق التصرف في المال، مكلفاً غير محجور عليه لسفه أو مرض |
| ٣ | المحل : وهو المعوض (بضع الزوجة، أي : الاستمتاع بها) | أن يكون مملوكاً للزوج |
| ٤ | العوض : وهو البديل الذي يلتزم به المختلع. | أن يكون مملوكاً للزوج |
| ٥ | الصيغة : وهي الإيجاب والقبول من الزوج والزوجة | - أن لا يتخلل بين الإيجاب والقبول كلام أجنبي كثير. - المولاة بين الإيجاب والقبول. - التوافق ولو معنى. |


** المعلومات المهمة

يصح الخلع بلفظ الخلع، الطلاق والكنائيات مع النية، مع ذكر العوض.

مثال **الصريح**: قال الزوج للزوجة: "طَلَّقْتُكَ أو خَالَعْتُكَ على مبلغ عشرة آلاف زنجيت" فتقبل المرأة.

مثال **صيغة الكناية**: قال الزوج للزوجة: "بعثتك نفسك بكذا"، فقالت الزوجة: "اشتريت".


12.5 GANTIAN KHULU'



** Perbendaharaan Kata

- (النقد) : Matawang seperti dinar atau ringgit Malaysia
- (المنفعة) : Manfaat daripada isteri dengan sebab khulu' (tebus talak)
- (العين) : Benda yang boleh dipindahkan atau tidak.
- (إسقاط الحق) Menggugurkan hak yang wajib ditunaikan oleh suami.

١٢،٥ - بدل الخلع



** معاني الكلمات

- النقد : العملة مثل دينار أو رنجيت ماليزيا.
- المنفعة : المنفعة من الزوجة بسبب الخلع.
- العين : الأشياء المنقولة أو غير منقولة.
- إسقاط الحق : إسقاط الحق الذي يجب على الزوج.

12.6 MENGHORMATI HAK-HAK ISTERI

- 1- Khulu' dianggap sebagai hak isteri dan ianya adalah satu cara menghormati hak-hak isteri di dalam Islam.
- 2- Ianya sebagai peringatan kepada suami agar tidak melayani isteri dengan cara yang tidak dibenarkan oleh Syarak dan tidak lupa tanggungjawabnya terhadap isteri.

*** Hadis Hari Ini

SIFAT ISTERI SOLEHAH

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah saw ditanya: Siapakah perempuan yang paling baik? Baginda menjawab: *“Perempuan yang mengembirakan suaminya apabila dipandang, taat apabila disuruh, tidak menyalahi suaminya dalam urusan dirinya dan hartanya dengan perkara yang dibenci suaminya”*.

(Hadis riwayat Nisai)

١٢،٦ - احترام حقوق المرأة

١ - يُعتبر الخُلْعُ حقاً للزوجة، وسبيل في احترام حقوق الزوجة في الإسلام.

٢ - تنبيه للزوج بأن لا يعامل مع زوجته بطريقة غير شرعية، وأن لا ينسى مسؤوليته على الزوجة.

*** حديث اليوم

صفة الزوجة الصالحة

عن أبي هريرة ربي الله عنه قال: قيل لرسول الله ﷺ: أي النساء خير؟ قال: التي تسره إذا نظر وتطيعه إذا أمر ولا تخالفه في نفسها وما لها بما يكره. (رواه النسائي)

KESAN YANG TERHASIL DARIPADA PERCERAIAN SUAMI ISTERI**13.1 HADHANAH (HAK PENJAGAAN ANAK)**

13.1.1 PENGERTIAN HADHANAH

Dari sudut bahasa : Menjaga dan mendidik

Dari sudut istilah Syara' : Menjaga kanak-kanak yang tidak mampu berdikari (dalam menguruskan dirinya sendiri) dan mendidiknya dengan perkara yang memberi kebaikan kepada kanak-kanak tersebut.

13.1.2 DALIL PENSYARIATAN HADHANAH

Hadis :

Dari Abdullah bin Amru r.a , seorang perempuan mengadu kepada Nabi saw : Wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini , perut inilah yang mengandungnya , susu inilah yang menjadi minumannya , riba inilah yang meribanya . Sesungguhnya bapanya telah menceraikanku dan ingin mengambil anak ini dariku. Rasulullah saw berkata kepadanya : “Kamu lebih berhak dengan anak ini, selagi kamu tidak berkahwin.lain.

(Hadis riwayat Abu Daud)

Ijmak :

Para ulamak sepakat tentang pensyariatian hadhanah (hak penjagaan anak).

الآثار المترتبة من انفصال الزوجين

الدرس الثالث عشر :

١٣،١ - الحضانة

١٣،١،١ تعريف الحضانة

لغة : الرعاية والتربية.

شرعا : هي حفظ من لا يستقل بأموره وتربيته بما يصلحه.

١٣،١،٢ - الدليل على مشروعية الحضانة


السنة :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ ابْنِي هَذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وَعَاءٌ، وَتُدْبِي لَهُ سِقَاءً، وَحَجْرِي لَهُ حِوَاءٌ، وَإِنَّ أَبَاهُ طَلَّقَنِي وَأَرَادَ أَنْ يَنْتَزِعَهُ مِنِّي. فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِي. [رواه أبو داود]

الإجماع :

أجمع العلماء على مشروعية الحضانة.


13.1.3 URUTAN ORANG YANG BERHAK MENDAPAT HAK PENJAGAAN ANAK



*** Info penting :

- Sebab ibu didahulukan berbanding bapa dalam penjagaan anak adalah kerana kasih sayang ibu lebih sempurna, kesabarannya menanggung kepayahan menjaga dan mendidik anak dan kerana ibu lebih lemah lembut dalam menjaga dan memelihara anak, ibu juga lebih berkemampuan dalam memberikan apa yang anak-anak perlukan seperti kasih sayang dan kemesraan.
- Siapakah yang lebih berhak/layak dengan penjagaan anak? Ibu lebih berhak berbanding bapa dalam menjaga anak-anak yang belum sampai umur mumayyiz.

ترتيب المستحقين بالحضانة ١٣،١،٣



** المعلومات المهمة

- أسباب تقديم الأم في الحضانة على الأب هو لتوفر شفقتها، وصبرها على أعباء الرعاية والتربية. ولأنها ألين بحضانة الأطفال، ورعايتهم، وأقدر على بذل ما يحتاجون إليه من العاطفة والحنان.
- من هو الأحق بالحضانة؟
الأم أحق من الأب بحضانة الأولاد دون سائر التمييز.

١٢،١،٤ شروط الحضانة

12.1.4 SYARAT-SYARAT HADHANAH

| BIL | SYARAT | PENJELASANNYA |
|-----|--|---|
| 1 | Baligh dan sempurna akal | Tidak boleh diberi hak penjagaan anak kepada kanak-kanak dan orang gila lelaki atau perempuan |
| 2 | Islam | Tidak boleh diberi hak penjagaan anak kepada orang kafir |
| 3 | Menjaga maruah diri (tidak melakukan perkara haram) dan amanah | Penjaga itu bukan seorang yang fasik (melakukan kejahatan/maksiat) |
| 4 | Bermukim | Menetap di negeri kanak-kanak tersebut |
| 5 | Tidak berkahwin dengan lelaki lain | Apabila ibu tersebut berkahwin lain, maka gugurlah hak penjagaan anak. |
| 6 | Bebas dari penyakit yang berpanjangan dan adat (kebiasaan) yang memberi kesan tidak baik (terhadap anak) | ibu tersebut tidak ada penyakit kronik (yang sukar diubati) seperti penyakit batuk kering (TB) dan penyakit strok (lumpuh) atau ibu itu buta atau pekak |

** Info penting

Apabila hilang satu syarat daripada enam syarat yang telah kami nyatakan untuk melayakkan seseorang itu mendapat hak penjagaan anak, maka gugurlah hak penjagaan anak tersebut dan ia akan berpindah kepada mereka yang seterusnya iaitu nenek, saudara perempuan, kemudian emak saudara dan begitulah seterusnya.

| الرقم | الشروط | التوضيح |
|-------|--|--|
| ١ | البلوغ والعقل | لا حضانة لصغير ولا مجنون أو مجنونة |
| ٢ | الإسلام | لا حضانة للكافر |
| ٣ | العفة والأمانة | أن لا يكون حاضن فاسقاً |
| ٤ | الإقامة | المقيم في بلد الطفل |
| ٥ | الخلو من زوج أجنبي | إذا تزوجت الأم سقط حقها في الحضانة |
| ٦ | الخلو من الأمراض الدائمة والعيادات المؤثرة | خلو الأم من مرض عُضال : كالسل والفاالج أو كانت عمياء أو صماء |

** المعلومات المهمة

إذا فُقدَ شرط من هذه الشروط الستة التي ذكرناها لاستحقاق الحضانة، سقط حق الحضانة، وانتقل هذا الحق إلى من يليها، من جدة، ثم أخت، ثم خالة، وهلم جرا.

13.2 – RUJUK

13.2.1 PENGERTIAN RUJUK

Dari sudut bahasa : ia adalah (مصدر مرة) dari perkataan (رجوع) kembali.

Dari sudut istilah syara' : Mengembalikan perempuan kepada ikatan perkahwianan dengan sebab talak yang bukan ba'in semasa tempoh iddah melalui cara yang tertentu .

13.2.2 DALIL DISYARIATKAN RUJUK

Al Quran:

Firman Allah swt : Dan suami-suami berhak mengambil kembali (ruju) isteri-isteri mereka dalam tempoh 'iddah jika suami-suami bersetujuan hendak berdamai . (al Baqarah : 228)

- Maksud (mengambil kembali) ialah rujuk

Hadis:

Daripada Umar r.a bahawa Nabi saw telah menceraikan Hafsa r.ha kemudian baginda merujuknya semula . (Hadis riwayat Abu Daud)

Ijmak : Para ulamak telah sepakat tentang pensyariatian rujuk (dalam Islam).

13.2.3 RUKUN-RUKUN RUJUK



١٣،٢ - الرجعة

١٣،٢،١ تعريف الرجعة

لغة : المرة من الرجوع.

شرعا : رد المرأة إلى النكاح من طلاق غير بائن في العدة على وجه مخصوص.

١٣،٢،٢ الدليل مشروعية الرجعة

الكتاب قال الله تعالى : **وَيُعَوِّلُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا**

[سورة البقرة ٢ : ٢٢٨]


- المراد بالردّ : الرجعة

السنة : عن عمر رضي الله عنه : أن رسول الله ﷺ طلق حفصة ثم راجعها.

[رواه أبو داود]

الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية الرجعة.

١٣،٢،٣ أركان الرجعة




** Perbendaharaan kata:

(المُرْتَجِع) orang yang menceraikan iaitu suami terdahulu atau wakilnya

(الصيغة) lafaz rujuk dari pihak suami atau wakilnya

(المحل) isteri yang dirujuk.

13.2.4 SYARAT RUJUK



SYARAT SIGHAH RUJUK

Sah sighah ruju' itu dengan bahasa asing (bukan bahasa Arab) sama ada seseorang itu boleh bertutur bahasa Arab atau tidak


Sighah kinayah disertakan niat (ruju') Seperti : "Aku berkahwin denganmu", atau "aku menikahimu", atau "aku angkat pengharaman", atau "aku memilih untuk meruju'mu"
Tulisan juga dianggap sebagai kinayah

Sighah itu berbentuk lafaz yang jelas .
Seperti : " Aku kembalikan kamu kepadaku", "aku rujuk kamu", "aku rujuk isteriku"

** معاني الكلمات

- المرتجع : هو المطلِّق، أي الزوج سابقا أو وكيله.
- الصيغة : هو لفظ الرجعة من قبل الزوج أو وكيله
- المحل : هو الزوجة المرتجعة

١٣،٢،٤ شروط الرجعة





شروط الصيغة

تصح صيغة الرجعة بالعجمية، سواء أحسن العربية أم لا.

أن يكون الصيغة كناية مع النية، مثال : تزوجتك، أو نكحتك، أو رفعت التحريم، اخترت رجعتك. والكتابة أيضا يعتبر كناية.

أن يكون الصيغة لفظا صريحا، مثال : رددتك إلي، ورجعتك، ارجعتك، أنت أرجعتك، أنت مراجعة، رجعت زوجتي، رجعت فلانة.



13.3 – 'IDAH

13.3.1 PENGERTIAN IDAH

Dari sudut bahasa : Menghitung

Dari sudut istilah syara' : Nama bagi tempoh yang tertentu yang perlu ditunggu oleh seorang perempuan kerana patuh kepada (perintah) Allah swt atau sebagai tanda kesedihan ke atas suaminya atau untuk memastikan bersih Rahimnya (tidak mengandung).

13.3.2 DALIL DISYARIATKAN IDDAH

Al-Quran:

Firman Allah swt: "Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya".
(Surah at Talak : 4)

Hadis :

Daripada Miswar bin Makhramah r.a : Bahawa Subai'ah al Aslamiyyah telah melahirkan anak selepas kematian suaminya beberapa malam , kemudian dia datang menemui nabi saw meminta izin untuk berkahwin, lalu baginda mengizinkannya (untuk berkahwin) , maka dia pun berkahwin .
(Hadis riwayat Bukhari)

- Maksud perkataan (نُفِسَتْ) : melahirkan anak .

Ijmak

Para Ulama telah sepakat tentang pensyariatannya idah (dalam Islam)

١٣،٣ - العدة

١٣،٣،١ تعريف العدة

لغة : الإحصاء.

شرعا : اسم لمدة معينة تترتبها المرأة بعدا لله عزوجل، أو تفجعا على زوج، أو تأكدا من براءة الرحم.

١٣،٣،٢ الدليل على مشروعية الرجعة

الكتاب قال الله تعالى : وَالَّتِي يَسِّنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ تَحِضْ وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾ [سورة الطلاق ٦٥ : ٤]

السنة : عَنْ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّ سُبَيْعَةَ الْأَسْلَمِيَّةَ نُفِسَتْ بَعْدَ وَفَاةِ زَوْجِهَا بِلَيْالٍ، فَجَاءَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَتْهُ أَنْ تَنْكِحَ، فَأُذِنَ لَهَا فَانْكَحَتْ. [رواه البخاري]

* وتراد كلمة "نفست" : ولدت

الإجماع : أجمع العلماء على مشروعية العدة.

13.3.3 JENIS 'IDAH DAN TEMPOHNYA




'Idah kematian Suami

| BIL | KEADAAN PEREMPUAN | TEMPOH 'IDAH |
|-----|-------------------------|-----------------|
